

## Recent Malay Books from Malaysia – Dec 2023

Mary Martin Booksellers Pte Ltd  
Blk 231, Bain Street  
#03-05, Bras Basah Complex  
Singapore 180231  
Tel : +65-6883-2284/6883-2204  
[info@marymartin.com](mailto:info@marymartin.com)  
[www.marymartin.com](http://www.marymartin.com)

### *Anthropology / Archaeology*

Panduan Konservasi Kuratif / Zamrul Amri Bin Zakaria  
Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, 2022  
xvi, 194p.  
9789670372433  
1. Antiquities -- Collection and preservation.  
2. Museums – Curatorship.  
3. Museums – Collection management.  
4. Archaeological museums and collections.  
\$ 35.00/ PB  
685gm.  
<http://www.marymartin.com/web?pid=866408>

---

### *Atlases / Maps*

Atlas Kebangsaan Malaysia / Malaysia. Jabatan Ukur dan Pemetaan  
Cetakan Kedua  
Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), 2022  
267p.  
Include Indexs.  
9789834258443  
\$ 90.00 / HB  
2465gm.  
<http://www.marymartin.com/web?pid=866409>

---

### *Biography/Memoirs*

Biografi Muhammad Mutawalli Al-Sya'rawi (1911M-1998M): Ahli Tafsir Zaman Moden /  
Mohd Rumaizuddin Ghazali  
Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
328p.  
Include Index.  
9789670001135  
\$ 24.00 / PB  
485gm.

Muhamad Mutawalli al-Sya'rawi merupakan seorang tokoh ulama dan ahli tafsir abad ke-20 yang terkenal dari Mesir. Namanya sebaris dengan tokoh-tokoh tafsir yang telah berjasa dalam dunia keilmuan Islam abad ke-20 seperti Tahir Ashur, Rashid Rida, Sayyid Qutb dan

Wahbah al-Zuhaili. Buku ini membicarakan ketokohan dalam bidang tafsir, isu-isu semasa umat Islam seperti kepentingan tauhid, mukjizat, isu wanita, pekerjaan dan kepimpinan wanita, Maryam dan nabi Isa AS, konsep pembukaan rezeki dan adab-adab Islam. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat dalam mengenali tokoh ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866410>

---

Melakar ke Langit Biografi Mohamed Asin Dollah: Perjuangan Anak Desa Kerdau dalam Membangunkan Ummah / Intan Zurina Md Naain, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Rezki Perdani Sawai

Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
120p.  
9789670001609

1. Mohamed Asin Dollah.
2. Educators—Biography.
3. Muslim scholars—Biography.

\$ 18.40 / PB

240gm.

Biografi ini menyingkap kehebatan dan ketokohan Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, figura yang tidak perlu diperkenalkan lagi dalam dunia akademik Pengajian Islam khususnya Usuludin dan Psikologi Agama. Insan yang telah menghambakan diri hampir 39 tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi fokus utama biografi ini menelusuri perjalanan hidup kembaranya sebagai insan biasa dari Kerdau, Temerloh sehingga menjadi ilmuan. Justeru, biografi ini melatari kisah kehidupan beliau sedari kecil sehingga akhir perkhidmatan di USIM dengan rakaman pelbagai jasa, sumbangsan dan bakti yang telah dicurahkan di dua institusi yang berbeza. Biografi ini turut merakamkan kisah pengalaman, coretan dan nostalgia yang boleh diambil ibrah ketika permusafiran ilmu beliau di peringkat sekolah dan pendidikan tinggi di United Kingdom. Semoga biografi ini menjadi sumber rujukan dan inspirasi para pembaca dan menyimpan azam serta membulat tekad untuk berbakti dan menyumbang keringat kepada ummah dan watan tercinta.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866411>

---

Mat Indera: Antara Identiti dan Ideologi / Muhammin Sulam  
Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD),  
2024

xxiv, 264p.  
9786297575070  
\$ 18.00 / PB  
445gm.

'Persoalan wira atau pejuang bukanlah sekadar melayani emosi atau citarasa sewenang, menurut tuntutan prasangka...Ia menuntut pengamatan halus soal-soal nilai, ideologi, konteks sejarah, pergolakan siasah semasa dan persoalan falsafah kayu ukur moralitas...bukan cuma moralitas tokoh-tokoh yang dijulang, tetapi juga mereka yang mendukung tokoh-tokoh berkenaan.'

- Shaharuddin Maaruf

Asas kepada penerbitan buku ini untuk edisi kedua adalah daripada Mat Indera: Petualang atau Pejuang? yang diterbitkan lebih sedekad lalu. Sebahagiannya adalah hasil daripada rujukan rekod-rekod perbicaraan antara Pendakwaraya lawan Mohamad Sabu antara tahun 2011 hingga 2015. Perbicaraan itu telah menarik minat orang awam mengikuti sejarah Mat Indera. Bahkan ia juga telah menjadi bahan berita bagi media massa pada ketika itu. Kisah Mat Indera kadangkala timbul menjelang sambutan bulan-bulan kemerdekaan. Misteri

identiti dan ideologi Mat Indera banyak lagi yang tidak terungkap. Ketokohan Mat Indera itu seharusnya dinilai secara saksama dengan mengambil kira latar belakang sejarah atau pergolakan siasah yang mendesak dan menentukan pemikiran dan tindakan radikal golongan yang sering dirujuk ramai pengkaji sebagai ‘berhaluan kiri’ ini. Jika penilaian dibuat dalam konteks atau latar belakang sejarah sedemikian, tidakkah wajar Mat Indera diangkat atau sekurang-kurangnya diiktiraf juga sebagai pejuang nasionalis, pendukung kemerdekaan yang gigih menentang penjajahan?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866412>

---

Ilmuwan Seni Visual Darul Aman: Biografi / M.Z. Azmie  
Kedah, Malaysia: Pusat Ilmuwan Darulaman Sdn. Bhd. , 2022  
xxiv, 156p.

Include Index & Bibliography.

9789671552971

1. Biography
2. Seni Visual
3. Kedah-Malaysia
4. Malay

\$ 12.00 / PB

365gm.

Ilmuwan Seni Visual Darul Aman telah mengangkat 20 seniman yang bekerja dengan pelbagai bahan tara dan gaya agar mampu menjadi suri teladan kepada pelapis seniman dan juga pelajar seni. ANTara 20 seniman ini, diselitkan juga dengan Riwayat dan kejayaan tiga tokoh yang telah Kembali ke rahmatullah agar dapat menjadi bukti bahawa karya yang hebat akan kekal diwarisi sebagai khazanah negara walaupun selepas ketiadaan mereka. Tanpa disedari, para seniman telah menyentuh kehidupan kita secara “halimunan”. Seniman mempunyai peranan penting dalam pembangunan ketamadun sebuah bangsa. Oleh itu, setiap orang wajar diberikan pendedahan ilmu seni visual agar menjadi manusia seimbang yang mampu memanfaatkan penggunaan otak kanan dan otak kiri.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866413>

---

Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani dan Metode Penulisan Kitab al-Fawa'id al-Janiyyah / Mohd Hanafi Mohd Razali & Muhammad Adib Samsudin  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
148p.

Include Index

9786297547626

\$ 10.00 / PB

220gm.

Nama Shaykh Muhammad Yasin al-Fadani bukanlah suatu nama yang asing dalam kalangan para ulama dan ahli ilmu dalam dunia Islam khususnya di Nusantara. Nama beliau sudah dikenali sebagai seorang ilmuan Islam yang telah mempunyai jasa dan bakti dalam lapangan ilmu. Cetusan idea untuk menulis mengenai kehidupan dan salah satu buku penulisan beliau, iaitu kitab al-Fawa'id al-Janiyyah terbit daripada tatapan mata penulis terhadap deretan kitab dalam ilmu al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Apabila pandangan mata penulis terhenti pada kitab ini, lantas timbul dalam fikiran mengenai latar hidup dan keperibadiannya yang begitu penulis kagumi. Ini kerana beliau sudah sangat dikenali dengan kepakarannya dalam ilmu hadis sehingga digelar sebagai musnid pada abad ini. Akan tetapi, sisi kepakarannya dan penguasaan ilmu beliau tidak terhenti dalam lingkungan ilmu hadis sahaja, bahkan beliau juga turut mempunyai kepakaran dalam ilmu berkaitan fiqh, usul fiqh dan al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Oleh sebab itulah, penulis berminat untuk

menulis mengenai latar belakang kehidupan beliau dengan lebih lanjut. Selain itu, minat penulis terhadap tokoh ini ditambah pula dengan kitab al-Fawa'id al-Janiyyah itu sendiri. Ini disebabkan kitab tersebut mempunyai nilai ilmiah yang tinggi dan sumbangannya yang besar dalam bidang ilmu al-Qawa'id al-Fiqhiyyah. Lantaran itu, penulis tertanya-tanya atas sebab apakah kitab yang hebat ini tidak begitu ditonjolkan kepada khalayak ramai sedangkan ia sentiasa menjadi rujukan para ilmuan yang berkecimpung dan berkarya dalam ilmu tersebut. Selain itu, timbul juga persoalan dalam fikiran penulis mengenai metode yang diguna pakai oleh beliau dalam menghasilkan kitabnya yang begitu berkualiti.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866414>

---

Memoir Abdul Latif Mohamad: Membina Keupayaan Sains Botani / Abdul Latiff Mohamad Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
364p.

Include Index

9789672519607

\$ 24.00 / PB

685gm.

Hasrat untuk menulis suatu memoir peribadi telah mulai bercambah pada mindaku beberapa tahun sudah, semenjak aku bersara daripada perkhidmatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Walau bagaimanapun, suasana, keadaan dan masa tidak mengizinkankan berbuat demikian secara serius. Sepuluh tahun telah berlalu hanya pada 2 Julai 2014 sempena kontrakku tamat di Fakulti Sains dan Teknologi (FST), UKM aku telah bernekad bersungguh-sungguh untuk menulis dan menyelesaikan suatu memoir yang menulis sejarah kerjaya akademikku dalam bidang sains botani selama aku berkhidmat di menara gading kebangsaan ini. Sebenarnya aku telah lama teruja untuk menulis memoir ringkas ini setelah aku selesai membaca memoir pertama yang ditulis oleh warga universiti iaitu Prof. Madya Dr. Mohd. Salleh Lamry daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusia (FSSK) yang bertajuk "Memoir Mohamad Salleh Lamry - Guru Melayu Terakhir" yang diterbitkan pada tahun 2009.

Secara kebetulan Mohamad Salleh Lamry adalah jiranku, aku tinggal di Taman Sahabat dan beliau di Taman Bangi, Jalan Reko, Kajang, dua taman perumahan yang bersebelahan. Kemudian aku telah pula membaca memoir Dr. Hailani Muji Tahir daripada Fakulti Pengajian Islam yang bertajuk "Memoir Hailani Muji Tahir - Jejak Lang Menuju Puncak" yang diterbitkan pada tahun 2013. Aku tidak mengenali dan tidak pernah berjumpa dengan beliau walaupun kami berada di universiti yang sama buat beberapa tahun. Kedua-duanya telah diterbitkan oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggambarkan sejarah dan perjalanan kerjaya akademik masing-masing yang berbeza tetapi sangat menarik kandungannya.

Aku sangat kagum dengan cara kedua-dua memoir itu telah ditulis dan selepas memoir warga UKM itu diterbitkan, ketandusan penulisan memoir dalam kalangan warga akademik di UKM mulai terjelma walaupun aku telah membaca beberapa memoir biografi lain yang ditulis oleh penulis lain mengenai kerjaya warga universiti. Sebenarnya Dr. Mohd. Salleh Lamry telah juga tulis biografi arwah Dr. Ishak Saari, mantan rakan daripada Fakulti Ekonomi.

Walau bagaimanapun, sedang aku rancak menulis memoir ini aku telah dimaklum sendiri oleh rakanku daripada Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong bahawa beliau juga sedang menulis memoirnya tetapi sentiasa tergendala oleh tugas seharian lain dan juga hal ehwal keluarga. Pada tahun 2018, aku telah dimaklumkan bahawa dengan diam-diam Prof. Emer. Dator Mohd. Zawawi Ismail mantan Dekan, Fakulti Sains di kampus Jalan Pantai Baru, mantan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan mantan Timbalan Naib Canselor UKM telah menulis memoirnya, tetapi dalam Bahasa Inggeris yang bertajuk "Defining Moment Memoir" dan telah diterbitkan pada

tahun 2019. Sementara aku menunggu memoir lain diterbitkan aku telah berusaha untuk menyelesaikan memoirku terlebih dahulu. awal tahun 2021.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866415>

---

### *Business / Management*

Status Terkini dan Hala Tuju Industri Durian di Malaysia / (Ed) Azizah Misran  
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023

x, 170p.

Include Indexs.

9789670035758

\$ 28.00 / PB

360gm.

Durian merupakan salah satu buah yang mempunyai nilai eksport yang tinggi kerana durian Malaysia lebih unik dan berkualiti tinggi. Walaupun permintaan durian adalah tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa, namun bekalan masih tidak mencukupi. Bagi menjamin bekalan durian yang berkualiti, satu panduan yang lebih berkesan mestilah diwujudkan untuk membimbing pemilik kebun atau ladang durian agar mereka lebih mahir menguruskan penanaman durian dengan lebih lestari dia samping dapat meningkatkan produktiviti durian. Pengetahuan mengenai pengurusan penyakit dan rumpai dan haruslah dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi mengurangkan risiko kerugian. Kepekaan terhadap pengurusan sisa durian mestilah dilihat sebagai satu peluang bagi menghasilkan nilai tambah yang boleh dimanfaatkan bersama. Melihat potensi durian untuk dipasarkan secara segar atau terproses, beberapa teknologi diperkenalkan untuk mengekalkan kesegaran dan hayat buah. Malaysia juga mempunyai masa depan yang cerah dari segi pembangunan produk durian kerana produk durian mempunyai nilai komersil yang tinggi. Melihat kepada kejayaan industry durian di Thailand, Malaysia seharusnya mempunyai satu pelan Pembangunan industry durian yang lebih berdaya saing di peringkat global. Di sebalik sumbangsih industry durian kepada negara kita, ia juga mempunyai beberapa isu yang menjadi kekangan dan cabaran industry ini pada masa akan datang. Koordinasi dan kolaborasi di antara pemain industry durian, agensi kerajaan yang berkaitan dan universiti akan dapat memacu hala tuju industry durian agar lebih berdaya saing dan maju ke hadapan. Semoga buku ini bermanfaat kepada pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866416>

---

### *Ecology/Environment Studies*

Sisa Makanan: Punca Dan Solusi Dari Perspektif Industri Perkidmatan Makanan / Nurul Azita Salleh, Ong Ping Wen & Muhamad Shah Kamal Ideris  
Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023

x, 76p.

Include Index & Bibliography.

9786297582092

\$ 16.00 / PB

120gm.

su berkaitan pembuangan sisamakanan bukanlah sesuatu yang baharu di Malaysia. Masalah ini berlarutan sejak sekian lama dan saban hari, pasti ada pembuangan sisa makanan di tapak pelupusan sampah. Jika sisa buangan ini tidak diurus dengan baik, ia boleh

memberikan kesan kepada alam sekitar. Lambakan sisa makanan telah menjadi semakin kritikal sehingga menjelaskan alam sekitar, ekonomi dan sosial secara global. Monograf ini membincangkan solusi atau kaedah pengurangan sisa makanan secara tradisional mahupun melalui penggunaan teknologi. Selain itu, monograf ini juga menyentuh aspek kebersihan diri, perkakasan dan premis makanan serta pengawalan binatang perosak dan serangga. Diharapkan pembaca dapat menambah ilmu pengetahuan tentang sisa makanan melalui karya ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866417>

---

Memahami Episod Jerebu Menerusi Pendekatan Topologi / Nur Fariha Syaqina Mohd Zulkepli, Mohd. Salmi Md. Noorani, Fatimah Abdul Razak  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
194p.

Include Index  
9786297547442  
RM 35.00 ; USD 17.50 / PB  
300gm.

**Book Details:**

Masalah jerebu yang melanda negara kita Malaysia dan juga dunia telah banyak menarik perhatian para penyelidik. Pelbagai teknik telah diguna pakai untuk mendekati masalah ini dari aspek keberlakuan dan taburan episod jerebu ini. Dalam buku ini, kami akan memperkenalkan satu kaedah berteraskan matematik iaitu kaedah analisis data bertopologi sebagai suatu kaedah baharu untuk menganalisis fenomena ini. Secara asasnya pendekatan ini memfokuskan kepada sifat kualitatif data bahan pencemar PM, yang disekutukan dengan jerebu itu. Khususnya, buku ini adalah hasil kajian sulung kumpulan penyelidikan kami yang terbentuk sekitar 5 tahun dahulu untuk mengembangkan penggunaan kaedah analisis data bertopologi ke bidang alam sekitar yang belum di terokai oleh para penyelidik dalam dan luar negara.

Segala puji bagi Allah s.w.t., atas segala limpahan rahmatnya kami mampu menyiapkan buku penyelidikan ini. Kami ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ahli kumpulan yang lain iaitu Dr. Munira Ismail, Dr. Mohd Almie Alias serta para pelajar Dr. Sabri Ismail dan Dr. Syed Sadiq Syed Musa kerana telah banyak memberikan input untuk menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Jabatan Alam Sekitar Malaysia dan Prof. Dr. Mohd Talib Latif dalam membantu dan memberikan data yang diperlukan untuk penyelidikan ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859786>

---

Dinamika Alam Sekitar / Mohd Ekhwan Toriman, Mohd Khairul Amri Kamarudin, Mohd Armi Abu Samah  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
188p.

Include Index  
9786297547589  
RM 45.00 ; USD 22.50 / PB  
265gm.

**Book Details:**

Buku Dinamika Alam Sekitar yang berwasit ini adalah dari suntingan beberapa penulisan manuskrip hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan di beberapa buah negeri di Malaysia yang menyentuh berkenaan perubahan sebenar di lapangan berkenaan isu alam sekitar. Buku ini juga telah disunting oleh beberapa ahli akademik yang dijemput khas mewakili bidang kepakaran masing-masing. Buku ini bukan sahaja berjaya membekalkan

kepelbagaian maklumat ilmu berkaitan dinamika alam sekitar, malah ianya adalah penting bagi memastikan perkembangan ilmu berkenaan isu dan cabaran terhadap kesedaran alam sekitar yang telah berlaku. Buku yang memuatkan sepuluh bab yang disumbangkan oleh penulis pakar dalam bidang masing-masing ini diharap dapat membantu golongan penyelidik, badan berkepentingan, pendidik, pelajar dan kesemua lapisan masyarakat untuk lebih memahami konsep, isu, cabaran dan pengurusan dalam menagani isu alam sekitar dalam bidang yang telah dibincangkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866418>

---

Sagu: Pengenalan, Kegunaan Dan Potensi / Rosnah Shamsudin, Wan Mohd Fariz Wan Azman, Mohd Zuhair Mohd Nor, Azman Hamzah  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023  
172p.  
9789670035819  
\$ 23.20 / PB  
275gm.

Sagu: Pengenalan, Kegunaan Dan Potensi adalah sebuah buku mengenai potensi dan manfaat yang boleh diperoleh daripada pokok sagu secara keseluruhan. Anggapan umum, pokok sagu merupakan tanaman liar yang kelihatan tidak memberi banyak manfaat dan jarang diterokai kerana kedudukan habitatnya yang banyak tumbuh di Kawasan berpaya ata berair. Malah, pokok-pokok ini akan ditebang dan dibuang bagi memberi ruang kepada Pembangunan. Walhal, pokok sagu mempunyai banyak potensi dan kegunaan untuk dimanfaatkan sama ada sebagai sumber makanan mahupun sebagai bahan kegunaan industry. Bahkan, Malaysia juga merupakan salah satu daripada pengeluar terbesar sagu dunia dan tanaman sagu adalah sebagai tanaman sosio-ekonomi yang penting di Malaysia, khususnya di Sarawak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866419>

---

### *Economics / Development Studies*

Penjanaan Dana Wakaf Tunai Melalui Pelaksanaan Istibdal: Isu Dan Cabaran / Afiffudin Mohammed Noor, Fathullah Asni & Che Zuina Ismail  
Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023  
viii, 148p.  
Include Indexs & Bibliography  
9786297582276  
\$ 15.20 / PB  
250gm.

Buku ini membincangkan penjanaan dana wakaf melalui kaedah istibdal. Istibdal salah satu kaedah bagi menjana dana dan membangunkan harta-harta wakaf. Kaedah istibdal dalam wakaf dibenarkan oleh para ulama muktabar berdasarkan dalil-dalil syarak. Antara fungsi istibdal menyelamatkan harta-harta wakaf daripada tidak berkembang, static dan tidak terurus. Oleh itu, buku ini membincangkan sumber-sumber dan kaedah-kaedah penting dalam penjanaan dana terutama melalui kaedah istibdal.

Seterusnya, buku ini menganalisis sejauh mana penjanaan dana wakaf berlaku melalui pelaksanaan istibdal yang dilakukan oleh beberapa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merangkumi Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Kelantan. Buku ini turut memaparkan isu, masalah dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan istibdal. Buku ini sesuai dijadikan rujukan kepada pengurus dan pentadbir wakaf, para pensyarah, penyelidik, agamawan dan orang awam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866420>

---

Pengurusan Ekonomi Malaysia Mendepani Canaran Pndemik Covid-19: Isu Dan Penyelesaian / Irwan Shah Zainal Abidin

Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023

xii, 216p.

Include Indexs.

9786297582436

\$ 18.00 / PB

355gm.

Pandemik COVID-19 memberikan impak dari pelbagai segi kepada Malaysia dan juga rakyatnya secara keseluruhan. Impak ini juga dirasai oleh penduduk dunia dan juga seluruh negara di dunia. Kesan wabak ini terutamanya dari aspek kesihatan dan ekonomi yang berlaku secara serentak dan bersama di seluruh dunia, mengakibatkan impak pandemik COVID-19 ini dilihat sebagai sesuatu yang tidak dijangka.

Dalam konteks Malaysia, ketidakstabilan politik yang berlaku sejak Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) sedikit sebanyak menjelaskan persediaan Malaysia dalam mendepani cabaran yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia dan juga dunia ini. Buku ini ditulis untuk menganalisis cara kerajaan Malaysia mengurus pandemik ini dari sudut ekonomi. Isu dan masalah ekonomi yang timbul akibat daripada pandemik ini dan juga masalah struktur dalam ekonomi Malaysia yang sudah pun wujud sebelum kedatangan pandemik ini dibincangkan dan dianalisis. Penilaian juga akan dibuat sejauh mana kerajaan Malaysia berjaya dalam mengurus ekonomi negara dalam era pandemik ini dan membincangkan penyelesaian yang terbaik kepada pemulihan ekonomi Malaysia menuju ke hadapan dalam mendepani era pascapandemik yang dilihat lebih mencabar.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866421>

---

Covid-19 Mendepani Cabaran Ekonomi Dan Keusahawanan / (Eds) Azahari Ramli,

Shuhairimi Abdullah, Awanis Ku Ishak, Khairunnisaq Ahmad Shakir

Kangar Perlis, Malaysia: Penerbit UniMAP, 2022

xx, 248p.

Include Index

9789672829324

1. COVID-19 (Disease)—Economic aspects.

2. COVID-19 (Disease)—Social aspects.

3. Entrepreneurship.

\$ 20.00 / PB

420gm.

Buku ini bertajuk Covid-19 Mendepani Cabaran Ekonomi dan Keusahawanan. Secara keseluruhannya, buku ini mengandungi 17 artikel yang diperolehi daripada para penulis yang berlatarbelakangkan ekonomi dan keusahawanan dari tiga buah andemic tempatan, iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS). Perbincangan topik ekonomi dan keusahawanan dibincangkan secara terperinci dan teliti serta disesuaikan dengan andemi yang berlaku pada masa kini. Ketika mana Malaysia berdepan dengan cabaran andemic Covid-19, sudah pastilah negara berdepan dengan kemelut dan krisis ekonomi, andemic , andem dan sebagainya yang berpanjangan. Kondisi yang berlaku sangat parah, malah memberi kesan yang andemic kepada rakyat Malaysia sehingga mengakibatkan pelbagai kesan yang berlaku dalam pelbagai bidang keperluan kehidupan. Dalam masa yang sama juga, ekonomi Malaysia turut memberi kesan kepada pelbagai sektor perkhidmatan penting, andemic utama, hiliran, andemic kecil dan sederhana,

peniaga kecil dan penjaja jalanan. Situasi ini tidak hanya berlaku di Malaysia tetapi berlaku di peringkat global bergantung kepada kebijaksanaan pihak pemerintah untuk melaksanakan plan pemulihan dengan kadar segera dan juga andemic yang bersepada dalam kalangan rakyat untuk sama-sama berperang dan dapat keluar segera daripada kemelut penyakit yang merbahaya ini. Justeru itu, buku ini cuba untuk menggarapkan penemuan kajian dan penyelidikan yang telah dihasilkan dalam aspek ekonomi dan keusahawanan andem berdepan dengan andemic Covid-19. Semoga ia memberi manfaat yang berfaedah kepada para pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866422>

---

Industri Sawit Pemacu Kemakmuran Ekonomi Keluarga Malaysia / Tamat Sarmidi, Norlida Hanim Mohd Salleh & Muhamad Rias K V Zainuddin  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
192p.

Include Index  
9786297547558  
\$ 18.00 / HB  
405gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866423>

---

### *Education*

Catatan Perjalanan "Visiting Librarian" di Universiti Deakin Melbourne / Nor Azzah Momin Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
164p.

9786297534398  
\$ 19.20 / PB  
290gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866424>

---

Asas Keusahawanan: Teori, Praktis dan Kontemporari / Shuhymee Ahmad (et als.)  
Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023  
xxiv, 402p.

9786297582252  
\$ 19.20 / PB  
605gm.

Buku ini merupakan olahan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi kursus teras universiti iaitu Asas Keusahawanan (BPME1013) yang ditawarkan di Universiti Utara Malaysia oleh Pusat Pengajian

Pengurusan Perniagaan (SBM), UUM. Matlamat utama buku ini adalah sebagai rujukan pelajar di samping bahan-bahan rujukan lain daripada sumber-sumber yang relevan dan sah.

Buku ini mengandungi 11 bab yang merangkumi tajuk-tajuk terkini dalam sukanata mata pelajaran Asas Keusahawanan. Kandungan buku ini disediakan oleh para pensyarah dan tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang keusahawanan yang mana di antaranya telah mengajar dalam tempoh lebih satu dekad di Universiti Utara Malaysia.

Buku Asas Keusahawanan ini adalah dirancang dan disusun sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Buku ini telah dirangka kandungannya selari dengan hala tuju

dalam membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan seterusnya bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPK).

<http://www.marymartin.com/web?pid=866425>

---

Mahasiswa Kompetitif: Satu Dimensi Kebolehpasaran / (Eds) Mohd Dino Khairri

Shariffuddin, Laila Suriya Ahmad Apandi, Muslimin Wallang

Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023

xx, 267p.

Include Index & Bibliography.

9786297582078

\$ 16.00 / PB

440gm.

Buku ini merupakan kesinambungan daripada buku yang bertajuk Kepimpinan, Mobiliti dan Kesukarelawanan Mahasiswa. Melengkapi daripada buku terdahulu, buku terbaharu ini turut akan dijadikan sebagai titik penyediaan graduan dalam dunia pekerjaan. Mahasiswa hari ini tidak seharusnya didendangkan atau dibuai dengan ungkapan seperti 'kerja akan mencari kita', 'peluang kerja pasti ada', 'ekonomi berada dalam keadaan yang baik' atau 'segulung ijazah ialah lesen untuk kita mengubah sosioekonomi keluarga'. Hal ini adalah kerana corak kebolehpasaran graduan pada hari ini amat sukar untuk diramal berikutnya daripada kehendak pihak industri, pasaran dan majikan yang terlalu demanding.

Di samping itu, keadaan ekonomi dan politik dunia yang tidak menentu pada ketika ini telah menyebabkan setiap graduan seharusnya mempersiapkan diri untuk bersaing di medan realiti kehidupan. Setiap graduan pada ketika ini bukan lagi berhadapan dengan persaingan global atau orang lain, tetapi setiap graduan pada hari ini harus berjuang untuk diri sendiri. Seseorang graduan itu perlu menjadi lebih baik untuk mencapai kemenangan dan mampu menciptakan ruang kebolehpasaran kepada orang lain.

Buku ini turut membincangkan trend budaya mahasiswa pada ketika ini dalam beberapa aspek kehidupan yang dinilai mampu menarik pelbagai pihak untuk diteliti dan dikaji. Karya ini sesuai dibaca oleh masyarakat terutamanya kumpulan mahasiswa memandangkan setiap kupasan topik yang dikongsi bersesuaian dengan kehidupan setiap orang.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866426>

---

Cabar Dan Pendekatan Pendidikan Semasa Pandemik Covid-19 / (Eds) Zarina Mat Saad, Fatimah Zailly Ahmad Ramli, Zakiyah Jamaluddin

Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023

xviii, 268p.

Include Index & Bibliography.

9789670031750

\$ 19.20 / PB

440gm.

Buku ini membincangkan pelbagai isu dan cabaran dalam bidang pendidikan semasa era pandemic COVID-19. Buku ini ditulis melalui koleksi penulisan yang bertumpu kepada isu dan cabaran yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik iaitu merangkumi transisi pengajaran dan pembelajaran, integrity akademik dan kejujuran ilmiah, pengaplikasian teknologi digital, perspektif pengguna iaitu pelajar terhadap kesan pandemik dan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran serta cabarannya kepada kumpulan sasar yang berbeza.

Secara umumnya, bab-bab ini ditulis berdasarkan kajian yang dijalankan secara empirikal, kajian kepustakaan dan pengalaman yang berlatar belakangkan situasi semasa COVID-19 di Malaysia. Kesinambungan isu yang dibincangkan menarik pembaca untuk

mempertingkatkan pengetahuan dan memahami implikasi yang wujud dalam pendidikan semasa pandemik COVID-19 dengan lebih menyeluruh.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866427>

---

Heutagogi dalam Pengajaran di Bilik Darjah: Analisis dan Strategi Pelaksanaan / Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin & Abd Muhsien Sulaiman  
Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2023

viii, 100p.

Include Index.

9789674882884

\$ 19.20 / PB

140gm.

Pengajaran guru di bilik darjah adalah antara perkara utama dalam proses menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada murid. Justeru, pengajaran perlu bermakna dan seharusnya 'sampai' ke hati dan minda mereka. Pelajar masa kini adalah generasi Z yang mempunyai minat dan corak kebebasan tersendiri dalam proses pembelajaran mereka. Pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan heutagogi dipercayai dapat memenuhi corak dan cita rasa pembelajaran yang merekakehendaki. Menyedari hakikat pentingnya perubahan penyampaian pendidikan guru, maka buku ini diinspirasikan oleh para penulis buat rujukan dan telaah pembaca khusus dan umum. Buku Heutagogi dalam Pengajaran di Bilik Darjah: Analisis dan Strategi Pelaksanaan ini merupakan sebuah buku akademik dengan rujukan ilmiah, namun masih memiliki pendekatan bahasa yang mudah, jelas dan berupaya untuk diaplikasi oleh pembaca. Terdapat lima topik utama yang membincangkan tentang Apakah Heutagogi, Teori dan Model Heutagogi, Konsep Pengajaran, Pelaksanaan Pendekatan Heutagogi dan Cabaran Pelaksanaan Heutagogi. Kelima-lima topik ini disusun mengikut bab dan perbincangan topik juga diringkaskan dalam bentuk grafik bagi memudahkan para pembaca. Perbincangan terhadap topik-topik ini dilakukan secara kritis beserta huraian dari sudut perspektif Islam dan Barat serta mencakupi kupasan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866428>

---

Membingkas Prakarsa Ke Arah Pemerksaan Mahasiswa / Mohd Izani Mohd Zain  
Terengganu, Malaysia: Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 2023

viii, 104p.

9786297625065

\$ 11.60 / PB

365gm.

Usaha untuk menjana graduan yang holistik dan warganegara yang baik amat bergantung kepada usaha, ikhtiar dan prakarsa Hal Ehwal Pelajar dan Alumni atau lebih dikenali sebagai HEPA. Meskipun mahasiswa kini diberikan lebih banyak kebebasan, kita percaya mahasiswa masih perlu diberikan bimbingan. Namun, ini bukan bermakna HEPA mahu menyusun atur apatah lagi menentukan setiap gerak-geri mahasiswa, sebaliknya memberi fokus kepada usaha-usaha makro dalam proses pembangunan dan pemerksaan mereka. Ini termasuk soal menjayakan agenda keusahawanan sosial, kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Dalam usaha memperkasakan mahasiswa, kita perlu terlebih dahulu memperkasakan HEPA dengan usaha dan ikhtiar atau istilah yang mahu ditonjolkan, iaitu prakarsa. Prakarsa ini akan ditunjangi tiga prinsip utama, iaitu pertama; tatakelola yang baik, kedua; budaya kerja berprestasi tinggi dan ketiga; nilai bersama yang kesemua ini memandu warga HEPA ke arah memberikan perkhidmatan yang terbaik.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866429>

---

UMT Dua Dekad Meneroka Samudera / Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu Terengganu, Malaysia: Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 2023 xxviii, 184p.

Include Index & Bibliography

9786297625058

\$ 39.60 / HB

1180gm.

UMT Dua Dekad Meneroka Samudera merupakan catatan perjalanan UMT yang diperoleh melalui kajian dokumen-dokumen seperti laporan tahunan, syarahan tahunan Naib Canselor, majalah universiti, buku konvokesyen, buku-buku berkaitan serta melalui temu bual bersama mantan pemimpin. Dokumentasi buku ini bermula daripada sejarah penubuhan stesen perikanan yang ditubuhkan pada tahun 1979 sehingga kini. Setelah 20 tahun berdiri, UMT gah meletakkan kedudukannya hampir setanding dengan universiti awam yang terkemuka di Malaysia. Buku ini telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah pada Majlis Santapan Petang sempena Majlis Konvokesyen UMT ke-21 yang lepas.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866430>

---

Didik Hibur Belajar Sambil Bermain Dari Perspektif Murid / Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023 216p.

Include Index

9786297547886

\$ 12.00 / PB

335gm.

Didik Hibur merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang diberi penekanan dalam kurikulum pendidikan abad ke-21. Didik Hibur boleh dijalankan dalam semua mata pelajaran, dan tidak semestinya terikat kepada mata pelajaran bahasa sahaja. Oleh kerana kaedah Didik Hibur lebih bersifat 'bermain sambil belajar', maka kaedah ini amat sesuai digunakan dalam semua sesi PdP di dalam bilik darjah.

Didik Hibur memerlukan kreativiti guru dalam merangsang dan menggalakkan murid untuk aktif sepanjang tempoh PdP dijalankan. Kreativiti guru dalam menggunakan pelbagai instrumen, bahan bantu mengajar dan lain-lain bahan yang berbentuk Didik Hibur akan menjadikan sesi PdP itu menarik, menyeronokkan dan tidak membosankan. Murid atau pelajar menjadi aktif dan terlibat dalam proses PdP. manakala guru lebih bertindak sebagai pemudah cara dan pembimbing mengikut objektif PdP yang dirancangkan.

Buku yang terhasil daripada enam (6) kajian/penyelidikan Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu ini boleh dijadikan sumber rujukan dan panduan, terutamanya kepada guru dan murid/pelajar bagaimana hendak menggunakan kaedah Didik Hibur. Kajian yang dijalankan dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif ini melihat daripada pelbagai peringkat kajian berkaitan pelaksanaan kaedah Didik Hibur dalam PdP guru Bahasa Melayu. Ada kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dan kaedah eksperimen dikaji oleh guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan, sekolah menengah dan juga di sekolah swasta. Begitu juga kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual bagi meneroka kaedah Didik Hibur dalam PdP guru Bahasa Melayu yang mengajar di pelbagai peringkat persekolahan dan pengajaran.

Semua dapatan kajian kuantitatif dan kualitatif ini amat bermanfaat untuk dijadikan sumber rujukan kepada para pelajar Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda di semua peringkat program pengajian pendidikan untuk meneliti dan mengkaji kepentingan dan hasil kajian yang terdapat dalam buku penyelidikan ini untuk dibuat kajian lanjutan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866431>

---

Naratif Baharu Pendidikan Tinggi Negara: Refleksi dan Aspirasi / YBrs. Ts. DR. Muhammad Helmi Norman (et als.)  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
128p.  
9786297547817  
\$ 12.00/ PB  
60gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866432>

---

### *Children Book*

Plogging / Tun 'Alia Nadirah  
Putrajaya, WP: Tun 'Alia Nadirah Binti Ahmad Suhaimi (Self publish), 2022  
24p. ; 20cm  
9786299725909  
1. Children's stories, Malay.  
2. Malay fiction.  
3. Malaysian fiction (Malay).  
4. Children and the environment—Juvenile fiction.  
\$ 15.00 / PB  
105gm.

Pengalaman berplogging Bersama keluarga di Taman Botani Putrajaya sungguh menyeronokkan. "Plogging? Apa itu Ayah?" Tanya Zara. Plogging, mula diperkenalkan pada tahun 2016 di Sweden, namun kesedaran ini belum meluas di Malaysia. Tetapi, apakah kelebihan plogging.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866433>

---

Lengkuas Yang Mulia Dan Gajus Yang Pelik / Fadzilah Adibah Abdul Majid, Isma Rosila Ismail, Fauziah Tufail Ahmad, Mohd Nizam Lani, Razifah Mohd Razali  
Terengganu, Malaysia: Penerbit UMT, 2023  
40p.  
9789672793960  
\$ 6.40 / PB  
90gm.

### Siri Literasi Edukid Herba

Tumbuhan herba adalah khazanah alam yang tidak ternilai. Ia digunakan sejak turun-temurun sebagai bahan ubatan dan makanan. Negara malaysia kaya dengan tumbuhan herba tropika serta ilmu perubatan dan makanan kesihatan berdasarkan herba. Ilmu ini seharusnya dijaga dan diwariskan dalam diri generasi muda. Pembudayaan mencintai ilmu herba mesti dipupuk sejak dari kecil supaya ia kekal menjadi amalan dalam masyarakat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866434>

---

### *Cookbook*

Dapur Indo'Ku: Andre-andre tau Ugie Aneka Resipi Bugis / Asmiaty Amat  
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2023  
xii, 74p.

9789672738541

1. Cooking, Bugis.
  2. Cooking, Indonesian.
  3. Cookbooks.
- \$ 20.00 / PB  
180gm.

Bagi generasi masa kini terutama anak muda, kaedah dan pelaksanaan memasak hidangan Bugis sudah kurang diketahui, malah semacam ada pengabaian kerana kelihatan dan kedengarannya sangat sukar. Oleh hal yang demikian, buku ini diusahakan untuk memberi panduan kepada generasi muda tentang kaedah memasak hidangan tersebut dengan mudah. Kebanyakan daripada resipi ini mungkin bersifat terlalu peribadi bagi diri saya dan keluarga, malah terdapat resipi yang telah diinovasi dan dimodifikasi mengikut cita rasa sendiri atau mengikut petua orang berpengalaman.

Diharap buku yang menghimpunkan resipi kuih-muih dan lauk-pauk ini memberi manfaat kepada semua, terutama generasi muda Bugis yang semakin lupa atau langsung tidak tahu bagaimana menyediakannya. Buku ini juga saya dedikasikan kepada sahabat-sahabat saya yang gemar dengan makanan Bugis dan berharap mereka dapat belajar memasaknya.

Diharapkan juga usaha menerbitkan buku ini dapat menambahkayakan lagi dokumentasi tentang budaya bangsa Bugis di Sabah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866435>

---

### *Health & Medicine*

Fiqh Perubatan Kontemporari Isu & Penyelesaian / Nor Eyzawiah Hassan (et al.)

Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023

112p.

Include Index.

9786297534855

\$ 20.00 / PB

185gm.

Buku Fiqh Perubatan Kontemporari: Isu dan Penyelesaian merupakan hasil himpunan kumpulan serta nukilan doktor-doktor pakar dari pelbagai bidang perubatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berdasarkan pengalaman berkhidmat dalam bidang perubatan serta disulam oleh pelbagai dalil naqli dan aqli oleh para ilmuwan serta ulama berpengalaman.

Buku ini amat bermanfaat bagi semua para pengamal dalam bidang perubatan serta kesihatan sebagai pedoman seorang Muslim profesional. Ia boleh menjadi rujukan bermanfaat kepada orang awam serta ilmuwan lain yang mempunyai kemosyikilan dalam bidang ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866436>

---

Impak Covid-19 Dan Krisis Kesihatan Mental / (Eds) Abdul Razak Abd Manaf, Mohd Azrin Mohd Nasir, Rajwani Md Zain

Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023

xiv, 226p.

Include Index & Bibliography.

9786297582597

\$ 16.00 / PB

300gm.

Buku ini mengandungi lapan bab yang membincangkan pelbagai topik kesihatan mental dan hubung kaitnya dengan pandemik COVID-19 yang melanda masyarakat di Malaysia.

Perbincangan dalam bab-bab yang terpilih ini mengajak pembaca untuk memahami senario wabak COVID-19, isu-isu yang terkait dengan penularannya dan dinamik perubahan yang berlaku dalam masyarakat.

Secara ringkasnya, bab-bab dalam buku ini ditulis untuk memberi kesedaran, pemahaman dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi menangani impak wabak ini sekali gus memastikan kesejahteraan mental masyarakat umum terpelihara. Para pembaca digesa meneliti secara kritikal setiap maklumat yang disampaikan dan menjadikan bahan penulisan setiap bab yang dikongsi sebagai asas untuk merangka strategi intervensi terbaik bagi sama-sama membantu menyelesaikan apa juga isu kesihatan mental yang berlaku dalam masyarakat di negara ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866437>

---

Merungkai Khasiat Rosel Dalam Bidang Kesihatan / Siti Balkis Budin, Nur Najmi Mohamad Anuar, Izatus Shima Taib

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023  
316p.

Include Index

9786297547480

\$ 22.00 / PB

465gm.

Rosel adalah tumbuhan ubatan yang terkenal di seluruh dunia dan boleh ditemui di kebanyakan negara tropika termasuk Malaysia. Hampir semua bahagian pada pokok rosel boleh digunakan sebagai sumber makanan dan perubatan, namun bahagian yang paling popular adalah kelopaknya yang lebih dikenali sebagai kaliks. Kaliks rosel sangat popular digunakan sebagai sumber makanan atau dalam perubatan tradisional. Rosel mempunyai pelbagai sebatian penting yang terkenal dengan nilai perubatan terutamanya polifenol dan vitamin C. Kini, kegunaan rosel dalam bidang kesihatan dan industri makanan semakin mendapat perhatian. Oleh itu, banyak kajian telah dilakukan bagi merungkai khasiat rosel dalam mencegah dan mengubati pelbagai masalah kesihatan seperti kanser, penyakit radang hati, masalah kardiovaskular, obesiti dan ketidaksuburan. Disebabkan potensi rosel dalam industri makanan dan kesihatan maka industri penanaman rosel semakin meningkat di Malaysia.

Penulisan buku ini bertujuan untuk mendokumentasikan bukti dan maklumat hasil penyelidikan mengenai khasiat kaliks rosel. Buku ini memberi tumpuan kepada komposisi sebatian fitokimia dan kesan terapeutik rosel serta potensinya untuk dibangunkan sebagai produk kesihatan dan makanan yang berkhasiat. Buku ini mengandungi 13 bab yang mana pada bab 1, 2 dan 3 akan menumpukan kepada sifat-sifat umum rosel, varieti rosel dan kandungan sebatian fitokimia aktif yang diperoleh daripada pelbagai kaedah pengekstrakan, aktiviti biologi sebatian fitokimia serta penilaian keselamatan ekstrak rosel. Manakala potensi ekstrak kaliks rosel dalam bidang kesihatan akan dibincangkan dalam bab 4 hingga bab 11 yang meliputi potensi untuk mencegah penyakit kardiovaskular, penyakit hepar, kanser, obesiti serta potensinya untuk meningkatkan kesuburan lelaki dan pengembangan sel stem darah. Akhirnya pada bab 12 dan 13 membincangkan potensi rosel dalam industri makanan dan pembangunan nutraceutikal untuk bidang kesihatan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866438>

---

## *History*

Negeri Santubong: Sejarah Awal Sarawak, 300ESS – 1647ES / Sanib Said

Edisi Kedua

Kuching, Sarawak: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2021  
xvi, 271p.

Include Index

9789834424657

1. Sarawak (Malaysia)—History
2. Santubong (Sarawak, Malaysia)—History
3. Kuching (Sarawak, Malaysia)—History

\$ 22.00 / PB

445gm.

Sebilangan sarjana arkeologi dan sejarawan di dunia mengetahui dan sekurang-kurang telah membaca bahawa Santubong adalah sebuah Pelabuhan terhebat di Kepulauan Melayu dari tahun 1947, 1955 dan 1966 telah berjaya menjumpai peninggalan tahi besi sejumlah hampir 500,000 tan, jutaan serpihan tembikar China, ribuan serpihan tembikar Melayu dan ratusan biji manik kaca dari pelbagai tempat di dunia. Ini adalah Negeri Santubong yang telah wujud semenjak tahun 300ESS lagi. Kapal-kapsel perdagangan dan penuomoang dari tamadun besar China di sebelah timur dan dari tamadun besar India, Arab dan Eropah di sebelah barat pernah ke Pelabuhan Negeri Santubong yang terletak di Batu Buaya. Kerana terbelenggu dengan minda terpenjara maka tidak terlintas di dalam pemikiran para sarjana, termasuk saya sendiri, mesti pasti ada manusia yang membina dan mengurus Pelabuhan Negeri Santubong yang besar dan terkenal ini. Seorang manusia iti ialah Datu' Marapati, seorang tokoh Melayu terhebat yang dicatatkan dalam sumber manuskrip Melayu-Jawi, Syair Negeri Santubong, sebuah karya asal bertarikh 1885.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866439>

---

Sorotan Sejarah Perlis Perkembangan Kebudayaan dan Sosioekonomi / (Eds) Nasha Rodziadi Khaw, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Nazarudin Zainun  
Perlis, Malaysia: Penerbit UniMAP, 2022

xxiv, 332p.

Include Index

9789672829300

1. Perlis (Malaysia)—History.
2. Perlis (Malaysia)—Politics and government.
3. Perlis (Malaysia)—Social conditions.
4. Perlis (Malaysia)—Economic conditions.

\$ 23.60 / PB

545gm.

Perlis adalah sebuah negeri yang kaya dengan kisah sejarah, negerinya berbudaya dan perkembangan sosioekonominya yang boleh disorot sejak zaman prasejarah lagi secara berkesinambungan. Dari segi geografi, negeri Perlis terletak paling utara di Semenanjung Malaysia yang bersempadan langsung dengan negara Thailand. Dalam buku ini pembaca akan disajikan dengan 13 buah artikel yang merangkumi aspek sejarah, budaya dan sosioekonomi yang terdapat di negeri Perlis. Berdasarkan kajian terkini, jelas menunjukkan bahawa Perlis walaupun dari segi saiznya adalah kecil tetapi sejarah kewujudannya boleh dilacak melalui penemuan-penemuan arkologi yang telah wujud sejak zaman prasejarah lagi. Dalam buku ini bab-bab di dalamnya membahaskan perkembangan sejarah, sosioekonomi, budaya dan politik Perlis dalam kaitannya dengan dua perkara iaitu: sejarah kewujudan negeri Perlis itu sendiri yang telah ada sejak zaman prasejarah dan dengan demikian tidak hairanlah jika negeri ini telah ada sistem sosiopolitiknya sendiri sejak sebelum pemisahannya dari Kedah lagi; kebolehan raja dan pembesar Perlis mencatur

politik pemerintahan negeri ini membolehkan Perlis berkembang dari segi sosioekonomi, budaya dan infrastruktur secara berkesinambungan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866440>

---

Dasar Luar Amerika Syarikat Terhadap Turki ERA Perang Dingin (1945-1989) / Norhayati Mat Ali & Azlizan Mat Enh

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
144p.

Include Index  
9786294860131  
\$ 12.00 / PB  
215gm.

Book Details:

Selepas Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat menggalas tanggungjawab menjadi polis dunia dengan perspektif bahawa negaranya bertanggungjawab kepada keselamatan dunia. Justeru negara tersebut berusaha untuk memastikan bahawa keamanan serta kebebasan negara di dunia dapat diwujudkan dan dikekalkan dalam jangka masa tempoh yang panjang. Dalam meninjau hubungan dasar luarnya dengan negara Turki, kerajaan Amerika Syarikat telah menggunakan beberapa idea ketika menjalinkan hubungan dengan negara tersebut iaitu ianya adalah bersifat terang atau jelas, konsisten serta berkeyakinan.

Amerika Syarikat juga dilihat tidak pernah lupa untuk tidak mengingkari prinsip-prinsip Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) iaitu menghormati negara Turki selain berusaha untuk memastikan Turki mampu mengukuhkan kedaulatan negaranya di wilayah Timur Tengah bahkan juga membantu memperkembangkan ekonomi Turki ke tahap yang membanggakan. Amerika Syarikat sentiasa memastikan bahawa negaranya akan memberikan sumbangan ke arah perkembangan ekonomi, perniagaan Han hubungan kebudayaan ke atas negara Turki menerusi beberapa molisi-polisi khusus yang diwujudkan oleh Amerika Syarikat kepada egara berkenaan. Antara yang ditekankan oleh Amerika Syarikat ketika enjalinkan hubungan dengan negara Turki ialah negaranya berusaha memelihara keamanan di Timur Tengah dengan menyelesaikan isu-isu erbangkit yang berhubungkait dengan keamanan dan kemerdekaan atau ebebasan, malahan juga cuba untuk tidak masuk campur dalam masalah-asalah dalaman negara-negara Timur Tengah. Selain itu juga, Amerika arikut ingin memastikan bahawa negaranya menghormati kedaulatan n kemerdekaan negara-negara berkenaan malahan apa yang lebih Enting ialah negaranya ingin memastikan bahawa usaha Kesatuan Soviet tuk melebarkan fahaman komunisnya ke negara Turki dapat disekat.

Amerika Syarikat menegaskan bahawa negaranya akan sentiasa rusaha ke arah memupuk kestabilan dan keamanan di Turki menerusi jasamanya dengan PBB selain berharap supaya negara-negara mur Tengah khususnya dan negara-negara lain amnya termasuklah satuan Soviet sendiri akan beroleh keamanan. Selain itu, Amerika Syarikat juga menyedari bahawa hubungan dua hala tersebut secara tidak langsung akan membenarkan negaranya untuk menjalankan kerjasama ekonomi serta ketenteraan bersama negara Turki selain membantu Turki memperkuatkan aspek pertahanannya dan melindungi kemerdekaan negara tersebut daripada ancaman keganasan parti komunis yang bertapak hampir dengan negara berkenaan. Malahan antara tujuan utama Amerika Syarikat menjalinkan hubungan ini bersama dengan negara Turki ialah untuk memperkembangkan dan mempertahankan keamanan negara Turki dalam tempoh jangka masa yang lama seperti mana yang terdapat dalam piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

<http://www.marymartin.com/web?pid=866441>

---

Melayu di Mata Raffles: Sebuah Kritik kepada Orientalisme / Khairudin Aljunied  
Selangor, Malaysia: Cendekia, 2023

xx, 135p.  
Include Index  
9786299801443  
\$ 18.00 / PB  
255gm.

"Ini merupakan sebuah buku yang meresahkan. Scorang ilmuwan yang meneliti pendekatan salah scorang penulis yang paling berpengaruh di alam Melayu dalam menanggapi agama Islam. Antagonisme yang telah dinyatakan oleh Raffles dapat membantu kita menjelaskan mengapa begitu banyaknya ketidakpercayaan dan syak wasangka yang berterusan sebingga ke hari ini."

- Anthony Milner, Profesor Pelawat di Universiti Malaya dan Profesor Emeritus di Australia National University

"Khairudin Aljunied mempamerkan ciri-ciri istimewa yang dicemburui. Walaupun karya ini mempunyai kepanjangan dan liputan yang sederhana, buku ini jelasnya sangat teliti, dikaji dengan baik dan dibentangkan dengan baik. Melayu di Mata Raffles sememangnya merupakan sebuah pandangan yang tepat pada masanya dan dapat mengalu-alukan aspek yang kurang diketabui tentang sesuatu yang kelibatan seperti perubahan persepsi, prasangka dan kecenderungan Raffles tentang orang Melayu dan kepercayaan mereka."

- Hussin Mutalib, Mantan Profesor Madya, Jabatan Sains Politik, National University of Singapore

<http://www.marymartin.com/web?pid=858924>

---

### *Journal*

Kepulauan: Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu Jilid 1 No. 01 – 2021  
= International Journal of Melayu Archipelago Studies / Prof. Madya Dr. Mohamad Maulana Magiman

Sarawak: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2021  
xvi, 194p.

ISSN 2811-3837  
\$ 35.00 / PB  
310gm.

Jurnal Kepulauan kali ini sangat istimewa, khususnya bagi Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak kerana keluaran kali ini bersempena dengan 25 tahun AKYBMS yang bertemakan "Pasak Keunggulan Bangsa". Dengan kata lain, Jurnal Kepulauan, Jilid 1/2021 merupakan kelahiran pertama Jurnal AKYBMS yang bermula dari tahun 2021. Penerbitan 2021 adalah satu penanda aras kejayaan AKYBMS bagi meneruskan penerbitan jurnal tahunannya.

Pada keluaran kali ini, jurnal kepulauan menerbikan 7 makalah yang meliputi pelbagai disiplin penulisan merangkumi budaya, warisan dan sejarah yang ditulis hasil dari penyelidikan oleh mereka yang pakar dan berpengetahuan dalam bidang masing-masing.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866442>

---

### *Law*

Undang-Undang Pekerjaan dan Perhubungan Indistri / Harlida Abdul Wahab & Mumtaj Hassan

Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023  
xviii, 292p.

9786297582016  
\$ 18.00 / PB  
455gm.

Matlamat utama buku ini adalah untuk menyediakan para pelajar dan tenaga pengajar dengan sumber rujukan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran untuk kursus Undang-undang dan Perhubungan Perindustrian. Isi kandungannya adalah meliputi rangka kerja undang-undang perburuhan di Malaysia yakni undang-undang pekerjaan, hubungan majikan dan pekerja, isu dan permasalahan seperti prerogatif majikan, penamatian kerja dan siasatan dalaman. Perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan aspek perhubungan perindustrian yang meliputi hal ehwal kesatuan sekerja, Mahkamah Perusahaan, undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta keselamatan sosial pekerja.

Pendekatan penerangan dan perbincangan adalah berpandukan kepada peruntukan undangundang dan contoh-contoh kes mahkamah yang dihuraikan dengan ringkas dan mudah difahami. Isi kandungan serta penyampaian yang mantap, sesuai dan terkini, bukan sahaja dapat memenuhi aspek pembelajaran pelajar tetapi juga selari dengan perkembangan semasa. Walaupun bersifat akademik, buku ini boleh dijadikan sumber rujukan dan bahan bacaan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka yang terlibat dalam pengurusan sumber manusia dan organisasi, termasuk majikan dan sesiapa sahaja yang bergelar pekerja.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866443>

---

Hak-Hak Pekerja Atipikal Di Malaysia / Nazruzila Razniza Mohd Nadzri & Rohaida Nordin Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
246p.

Include Index  
9786297547718  
\$ 20.00 / PB  
375gm.

Hubungan pekerjaan menjadi semakin rumit dirangsang oleh kemajuan teknologi maklumat, globalisasi ekonomi, mobilisasi manusia, pengsegmenan dalam organisasi, perubahan kuasa politik, tekanan ekonomi dan keperluan sosial. Pekerjaan atipikal merupakan salah satu dimensi kerumitan yang dimaksudkan. Ia berlainan daripada hubungan tradisional majikan-pekerja keana terdapat ciri-ciri dalam hubungan berkenaan yang tidak selari dengan ciri-ciri hubungan pekerjaan tradisional.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866444>

---

Covid-19 Dan Implikasi Perundangan / Rasyikah Md Khalid Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
202p.

Include Index  
9786297547596  
\$ 14.00 / PB  
310gm.

Covid-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi negara apabila perintah kawalan pergerakan (PKP) dikenakan kepada setiap ahli masyarakat. Banyak sektor yang terkesan teruk dan ada yang terpaksa gulung tikar. Ini memberi kesan kepada sektor pekerjaan dan akhirnya menjelaskan mutu kehidupan banyak pihak, terutamanya kepada mereka yang terpaksa diberhentikan. Daripada aspek perundangan, pihak majikan perlu mematuhi beberapa syarat sebelum penamatian kontrak pekerjaan dibuat. Selain itu, timbul juga isu

penyebaran berita palsu semasa Covid-19 melanda. Penguatkuasaan bagi penyebaran berita palsu secara maya harus difokus untuk mengurangkan kadar berita palsu dalam negara ini selepas pandemik. Isu pencerobahan data juga menjadi isu baharu kerana setiap orang yang pergi ke pusat perniagaan atau mana-mana premis perlu memberi data peribadi bagi memantau dan mengelakkan penyebaran Covid-19, namun tiada mekanisme khusus yang wujud untuk melindungi data yang diberikan kepada pemilik premis. Jelas, banyak isu perundangan baharu yang timbul semasa dan selepas pandemik Covid-19, selain isu perundangan dalam bidang perubatan semasa merawat pesakit Covid-19. Semua ini dihuraikan oleh penulis-penulis bab yang telah mengkaji setiap isu perundangan ini secara mendalam. Semoga ia memberi manfaat kepada semua pembaca terutamanya orang awam dalam memahami impak perundangan semasa dan selepas pandemik Covid-19.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866445>

---

### *Linguistics*

Integrasi Metafora dalam Pembentukan Makna Simpulan Bahasa Melayu / Anida Sarudin & Nor Asiah Ismail  
Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023  
xvi, 186p.  
Include Index & Bibliography.  
9786297582115  
\$ 16.80 / PB  
320gm.

Buku ini membincangkan pemikiran Melayu dalam penciptaan simpulan bahasa menerusi gagasan teori, iaitu blending dalam Teori Blending secara kompleks dalam empat domain mental manusia. Menerusi analisis yang empirikal, buku ini mendedahkan kognitif pemikiran orang Melayu yang kompleks dalam penciptaan simpulan bahasa. Pengetahuan ini perlu dikongsi dengan masyarakat umum supaya pengetahuan fundamental yang ditemui mengunggulkan identity Melayu khususnya dalam pembentukan makna simpulan bahasa. Ketajaman daya renung Melayu dalam penciptaan simpulan Bahasa menunjukkan metafora dalam penciptaan orang Melayu mempunyai fungsi kognitif untuk membentuk fikiran dan makna yang implisit.

Organisasi konseptual yang teratur dalam pemetaforaan simpulan bahasa menunjukkan kebijaksanaan dan latar budaya orang Melayu yang unik dan bernilai. Selain itu, pendeskripsian yang terperinci dan mendalam berkaitan metafora dalam penciptaan simpulan bahasa ini akan menambah pengetahuan masyarakat tentang sejauh manakah sesuatu simpulan bahasa dicipta oleh masyarakat terdahulu. Penjelasan metafora dapat menghuraikan fungsi simpulan Bahasa sebagai medium pendidikan dalam memberikan nasihat, pengajaran, teladan, panduan dan pedoman dalam komunikasi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=861157>

---

### *Literature*

Professional Overthinker / Asha Lim  
Kuala Lumpur: Dear Novels Sdn Bhd., 2023  
462p.  
9789672902621  
\$ 11.20 / PB  
365gm.

Terlalu banyak soalan dan luahan yang tidak pernah terungkap dengan lisan. "Mak dengan Aunty Yana ingat nak satukan Fia dengan anak kedua dia." Kacak, baik, sopan santun dan mempunyai kerja yang bagus. Itulah kata-kata ibunya, tapi bagi Aafia, lelaki yang mempunyai pakej lengkap sebegini kebiasaannya sudah berpunya. Bagi Aafia juga, mustahil untuk lelaki berpakej lengkap begitu adalah bujang dan jenis menurut aturan keluarga. Pasti lelaki itu mempunyai kekasih dan pasti ada sebab mengapa Mikhael menerima cadangan ibu bapa mereka. "Kenapa awak setuju dengan cadangan mak ayah kita?" - Aafia "Sebab pilihan mak dan ayah sentiasa terbaik." - Mikhael Minda Aafia penuh dengan syak wasangka dan overthoughts. Walaupun begitu, perkahwinan mereka tetap diteruskan. Aafia mula membuka bab baru sebagai isteri Mikhael. Namun, kemunculan Janna secara tiba-tiba membuka segala seribu satu rahsia yang Aafia simpan rapi. Kesukaran untuk meluahkan apa yang terpendam membuatkan Aafia sering mlarikan diri daripada masalah. Tapi, sampai bila dia perlu larikan diri seperti seorang pengecut? "Kalau sayang rasa tak selesa, cemburu, atau apa-apa saja yang rasa tak kena dengan sayang, cakap! Cakap! Bukan lari! Tolonglah, sayang, fikirkan perasaan abang juga!" - Mikhael "Kalau saya luahkan, akan ada yang dengar?" - Aafia "Ya, akan ada yang dengar." - Mikhael Bila dua jiwa dan personaliti berbeza bertemu, mampukah mereka mengerti dan memahami satu sama lain?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866446>

---

Seseorang Itu Kamu / Cahaya Ainn  
Kuala Lumpur: Dear Novels Sdn Bhd. , 2023  
634p.  
9789672902607  
\$ 12.00 / PB  
420gm.

Cinta di hatiku bagaikan angin,  
tak nampak dek mata kasar, tapi boleh dirasai.  
Pernah tak terfikir atau terbayang yang satu hari nanti kita akan bekerja dengan bekas teman lelaki kita? Sebagai babysitter pula tu!  
Ulya terserempak dengan Aidan, bekas teman lelaki yang telah menghilangkan diri secara tiba-tiba sepuluh tahun dahulu. Aidan terpaksa menjaga anak-anak saudaranya setelah kematian kakak dan abang iparnya. Sangat terdesak sehingga Ulya terpaksa menawarkan kerja pengasuh kepada bekas kekasihnya sendiri.  
"Awak cakap sahaja berapa gaji yang awak nak. Saya sanggup bayar." - Aidan  
"Really? Kalau saya minta gaji sebulan lima ribu, sanggup ke awak bayar?" - Ulya  
"Make it double. Saya bayar awak sepuluh ribu sebulan kalau awak sanggup jaga anak-anak saudara saya." - Aidan  
Ulya terima tawaran tersebut hanya dengan satu sebab. Gaji yang ditawarkan Aidan dah sama level dengan gaji manager!  
Tapi, betul ke itu satu-satunya alasan Ulya setuju dengan tawaran Aidan? Bukan sebab Ulya masih menaruh harapan terhadap bekas Aidan ke?  
"Kamu semua ni tak faham ke apa uncle cakap? Pergi kemas sekarang! Dah berapa kali uncle cakap mainan tu semua jangan bawa keluar dari bilik ni!" - Aidan  
Ketika Ulya berusaha menangani cabaran menjaga anak-anak saudara dan dalam masa yang sama terpaksa berhadapan dengan sikap Aidan yang bagi bom jangka. Apa yang menyebabkan Aidan berubah sampai begitu sekali? Paling penting, kenapa lelaki itu tiba-tiba menghilangkan diri sepuluh tahun dahulu?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866447>

---

Sehingga Aku Sudi: Menanti pada yang sudi walaupun ada ketikanya aku terasa hati... /  
Azieana  
Kuala Lumpur: Dear Novels Sdn Bhd., 2023

470p.  
9789672902638  
\$ 11.60 / PB  
335gm.

Menanti pada yang sudi walaupun ada ketikanya aku terasa hati...  
Milia dan Mikael telah menjalankan hubungan cinta sejak bertahun-tahun, tapi hubungan itu gagal diikat dengan sebuah perkahwinan. Hubungan cinta mereka juga selalu ada pasang surut dan tidak direstui oleh keluarga Milia.

Perkenalan Milia dengan Dato' Ian Zulkarnain kerana berebutkan sehelai gaun telah membuka lebaran baru. Pertemuan demi pertemuan membuatkan hubungan mereka menjadi rapat. Disebabkan beberapa perkara, Milia nekad memutuskan hubungannya dengan Mikael dan mula menerima kewujudan Ian dalam hidupnya.

Dalam masa yang sama, syarikat papa Milia menghadapi masalah. Ian memberi bantuan. Bantuan itu mengikat hubungan Milia dan Ian sebagai suami isteri. Selepas berkahwin, sikap Ian terus berubah. Milia jadi keliru. Kewujudan Kayra juga membuatkan hidup Milia jadi tak aman.

"I tetap nakkan Ian. I nak bersama dia semula. Jadi, I nak you berpisah dengan dia. Terpulanglah macam mana you nak buat. Yang pasti, you dan Ian kena bercerai." - Kayra  
Kematian papanya memberi kesan kepada Milia sehingga dia nekad meninggalkan Ian kerana menganggap Ian penyebab kematian papanya.

"Lia tak minta dijadikan sebagai isteri abang. Abang yang melamar Lia. Hakikatnya, abang tak ikhlas menikahi Lia. Abang memang berniat nak musnahkan keluarga Lia sebab dendam." - Milia

Benarkah Ian penyebab papa Milia meninggal dunia atau ada musuh lain yang cuba merosakkan hubungan Ian dan Milia? Bagaimana dengan perasaan Milia, masihkan dia sudi menerima Ian dalam hidupnya atau kembali untuk bersama Mikael?.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866448>

---

Cintamu Ku Buru / Azimah Lily  
Malaysia: Million Idea Publication, 2023  
1v  
9786299825128  
\$ 17.50 / PB

#### Book Details:

Hanya kerana menolong mengambil barang di pasar raya, Umie jatuh cinta pada seorang lelaki yang tinggi lampai.

"Sebab dia tolong kau ambil barang ja, kau terus falling in love! Cuba la fikir logik sikit!"- RUBINA

"Cinta tu tak mengenal logik, tahu tak! It only take 3 seconds to fall in love!"- UMIE  
Hati Umie bertekad mahu mengenali lelaki yang bernama Emiir Carim itu. Ternyata Emiir bukanlah lelaki yang senang didekati.

"Wah, tak sangka jodoh kami begitu dekat sekali. Lepas ni boleh la aku jumpa dia hari-hari."- UMIE

"Itu pendapat kau tapi bagi aku mesti Emiir tu berhati-hati nak dekat dengan perempuan." - JAZLIN

Walau sedingin mana Emiir pada Umie, itu tidak mematahkan semangat dan niat Umie untuk memiliki hati dan cinta Emiir.

"Terus-terang I cakap yang I rasa tak selesa dengan you. Apa-apa pun niat you nak dekat dengan I, baik you matikan saja hasrat you tu! Anggap saja kita tak pernah kenal sebelum ini."- EMIIR

Pertemuan Umie dengan Tan Sri Taib memberi ruang untuk Umie mengenali keluarga Emiir dengan lebih dekat lagi.

"Atuk kenal Cik Umie ke?"- EMIIR

"Dah tentu la kenal. Ibu Umie ni kawan mama kamu! Aaa..... Hari tu kamu ada tanya pasal kawan mama kamu yang selalu bawa brownies datang rumah kita, itu la Herma, ibu Umie!"- TAN SRI TAIB

Tan Sri Taib berkenanan dengan Umie dan membuat keputusan untuk menjadikan Umie isteri Emiir.

"Sudi tak Umie jadi isteri Emiir?"- TAN SRI TAIB

"Saya setuju."- UMIE

Keputusan Umie untuk mengahwini Emiir mengejutkan Rubina dan Jazlin malah begitu juga dengan abang-abang Umie.

Berjayakah Umie menakluki hati Emiir?

Adakah perkahwinan yang Umie impikan akan berakhir dengan kebahagiaan?

Apakah agenda sebenar Tan Sri Taib mengahwinkan Umie dengan Emiir?

<http://www.marymartin.com/web?pid=858807>

---

Mengejar Mentari Dihujung Sinar / Faizah Mohd Noh

Malaysia: Million Idea Publication, 2023

1v

9786299825111

\$ 17.50 / PB

300gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=858808>

---

Rumi: Filsuf Cinta Anatolia / Zaki Sapuan Al-Hafiz

Kuala Lumpur: Patriots Asia Sdn. Bhd. , 2023

320p.

9789672437703

\$ 13.0 / PB

325gm.

Jelajahi riwayat kehidupan Rumi, filsuf besar dari tanah Anatolia yang menyembunyikan berjuta rahsia cinta dalam setiap kata dan bait puisinya.

Biografi ini mempersempit gambaran mendalam tentang perjalanan spiritual seorang pemikir yang mengubah cara kita memandang cinta, kesedihan, dan kemanusiaan.

Menelusuri masa mudanya di Balkh hingga saat-saat terakhirnya di Konya, buku ini membawa pembaca ke dalam perjalanan hati dan jiwa, dimana cinta bukan sekadar perasaan, namun sebuah filosofi hidup.

Bersama RUMI: FILSUF CINTA ANATOLIA, anda diajak untuk merenung, mencinta, dan kembali menemukan makna cinta sejati yang abadi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866449>

---

Sosok 24 Puisi Buat Anwar Ibrahim Apresiasi 2 Media / Sohaimi Abdul Aziz

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2023

xi, 67p.

9786299816225

\$ 10.00 / PB

125gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866450>

---

Persaraan Pada Musim Bunga / Sohaimi Abdul Aziz

Kumpulan Puisi

Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2020  
xii, 115p.  
9789834258337  
\$ 10.00 / PB  
170gm.

Puisi-puisi tulisan seorang pengkritik sastera yg terkenal di Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866451>

---

Camar Benua: Kumpulan Puisi / Ibrahim Mohamad  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2023  
viii, 180p.  
9789834258399  
1. Kumpulan Puisi  
2. Malay Poetry  
\$ 10.00 / PB  
225gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866452>

---

Di Sebalik Pesta Pestaan Boria / Sohaimi Abdul Aziz & Rosmah Derak  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2023  
x, 100p.  
9786299816256  
\$ 10.00 / PB  
170gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866453>

---

Modul Penulisan Kreatif Sajak, Cerpen, Novel, Filem / Sohaimi Abdul Aziz, Siti Hazneza  
Abdul Hamid  
Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit Persatuan Karyawan Pulau Pinang, 2021  
xiv, 156p.  
9789834258351  
\$ 10.00 / PB  
275gm.

Tugas menghasilkan karya sastera, sama ada prosa, puisi atau drama merupakan satu proses penciptaan dan proses mencipta karya itu dianggap sebagai sesuatu yang misteri. Namun begitu, buku ini dapat merungkaikan misteri itu secara sistematik dan jelas. Sebagai satu modul, buku ini mempersembahkan satu pendekatan terbaik dalam mempelajari proses kreatif penulisan karya sastera. Penggunaan buku ini dibahagikan kepada tiga komponen yang berhubungan, iaitu ilmu, kemahiran dan latihan atau aktiviti. 13 buah model yang terkandung dalam buku ini dibangunkan dalam kerangka tiga komponen ini. Setiap modul mengandungi ilmu, seperti dalam Modul 1 dikemukakan ilmu tentang dunia cerita sebagai dasar penciptaan karya sastera dan ilmu ini diikuti dengan kemahiran yang berkaitan dengan mencipta cerita yang sesuai untuk dijadikan karya sastera. Kemudian, satu latihan atau aktiviti disediakan untuk memantapkan kefahaman dan kemahiran yang dipelajari. Tegasnya, buku ini merupakan satu modul besar yang amali sifatnya dan sangat sesuai untuk mereka yang bercita-cita menjadi penulis karya kreatif yang berjaya mencapai taraf penulis jutawan.

Modul dalam buku ini adalah seperti yang berikut:

Modul 1 Cerita dan Cerita dan Cerita

Modul 2 Mencipta dan Kreativiti: Proses Kreatif dan Konvensional dan Kontemporari

Modul 3 Bagaimana Kita Hendak Bercinta Dengan Sajak?

Modul 4 Bermain-main dengan Bahasa, Lama-Lama Menjadi Sajak  
Modul 5 Tip Menjadi Novelis Popular dan Luar Biasa  
Modul 6 Membentuk Cerpenis Yang Ummph ...  
Modul 7 Karya-Karya Besar Dunia dan Malaysia Sumber Ilhamku  
Modul 8 Apakah yang Menarik dalam Mengadaptasi Karya Sastera?  
Modul 9 Proses Penulisan Skrin: Daripada Idea ke Atas Kertas dan ke Layar  
Modul 10 Kritikan Sastera Memandaikan Pengarang, Pembaca dan Pengkritik  
Modul 11 Pemasaran Karya Kreatif: Konvensional dan Digital  
Modul 12 Enaknya Menyunting Karya Sendiri  
Modul 13 Petua Berkarya: Daripada Naskhah Mentah Kepada Penerbitan

<http://www.marymartin.com/web?pid=866454>

---

Ilustrasi Puisi Terindah / Mazdan Ali Amaran, Dilah Tuah, Badiozaman Sulaiman, Wan Robiah Meor Osman  
Sarawak, Malaysia: UNIMAS Publisher, 2023  
xii, 90p.  
9789670054339  
\$ 16.00 / PB  
155gm.

Buku "Ilustrasi Puisi Terindah" ini merupakan buku yang mengumpulkan hasil nukilan empat orang pengkarya yang berimpian untuk memintal kata menjadi hamparan makna yang indah. Pendekatan yang digunakan juga berbeza kerana setiap puisi yang terdapat di dalam buku ini diterjemahkan menggunakan ilustrasi yang berlainan. Gaya sebegini bukan sesuatu yang asing dalam penulisan puisi, namun ia penting dalam menarik minat khalayak untuk menterjemahkan diktis yang tersirat ke hakikat makna yang tersurat. Pelbagai gaya dan bentuk diaplikasikan dalam penulisan buku ini antaranya menampilkan puisi dari sudut bahasa analogi, metafora dalam puisi, serta penterjemahan ilustrasi cinta dalam puisi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866455>

---

Menunggu Laila / Sanib Said  
Kuching, Sarawak: Sanib Said (Self Publish), 2016  
x, 68p.  
9789671343517  
1. Malay Poetry.  
2. Sajak.  
\$ 7.50 / PB  
140gm.

Membaca Kumpulan puisi Menunggu Laila seolah-seolah membawa kita menerobos ke dalam ruang puisi Chairil Anwar. Sebagai peminat Chairil Anuar, Sanib Said begitu tekun dalam membina diktis puisi, sehingga puisi-puisi yang terkandung di dalam Kumpulan puisi ini, hidup dengan roh dan semangat dirinya yang begitu kuat..... Kemunculan Ramadhan yang penuh barakah dan kemuliaan, telah memungkinkan lahirnya puisi Menunggu Laila yang berjiwa Islami, serta sarat dengan pengajaran dan sindiran. Ternyata Sanib Said merupakan pemikir dan pentafsir olahan manusia dan dirinya, yang berteraskan kebenaran, keindahan dan kekuatan. Kumpulan Puisi "Pelukis Masa 1: Menunggu Laila adalah manifestasi diri, pengalaman, pengamatan dan pengabdian yang bersatu dan menyatu dalam memugar erti dan makna kehidupan. Dillah Tuah, Universiti Malaysia Sarawak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866456>

---

Pantun Sarawak: Tanda Kasih Kesetiaan Sejati / Abang Seruji Abang Muhi  
Kuching, Sarawak: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2014

382p.  
9789834424619  
\$ 12.00 / PB  
495gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866457>

---

Antologi Puisi Melarik Masa / Dil Froz Jan Sayed Halem Shah, M Mascitah Mansor, Nur Huda Faujan  
Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
176p.  
9786297534497  
\$ 12.00 / PB  
260gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866458>

---

Kompilasi Anekdot Rakaman Nostalgia / Hariza Mohd Yusof  
Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
184p.  
9786297534312  
\$ 19.20 / PB  
265gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866459>

---

Ini Sebuah Cerita Cinta / Farah Husain  
Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023  
388p. ; 20cm.  
9786297587028  
\$ 11.20 / PB  
295gm.

#### Book Details:

Semua orang inginkan kisah cinta yang indah, macam dalam kisah-kisah dongeng yang pernah dibaca lewat zaman kanak-kanak dulu. Dan Nea Azalea juga tak terlepas daripada mempunyai angan-angan itu. Cumanya Lea tak sangka, dia akan terperangkap dalam cinta tiga segi antara dua orang sahabat baik.

"Yang sebenarnya aku suka cupcake. Suka yang teramat sangat!" ~ Johan

"Saya suka awak." ~ Adam

Antara Adam dan Johan, tak sukar sepatutnya untuk seorang Lea buat pilihan. Sejak lama dulu, memang Adam yang terlebih dahulu mencuit hatinya. Namun, untuk menolak Johan, dia tak sampai hati, sementelah lelaki itu terlalu banyak membantunya.

Saat Lea bersedia untuk buat keputusan, satu tragedi berlaku, hingga mengubah landskap kehidupannya. Kisah cintanya menjadi tak indah, dan yang pastinya banyak hati yang akan terluka dan terkorban...

"Sometimes I wish I didn't fall in love but I fall off a bridge instead. At least it hurt less." ~ Lea.

Lea, Johan dan Adam. Antara yang tig aini, yang pastinya akan ada hati yang terluka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866460>

---

Langit Juga Punya Cerita / Ezi Afiza  
Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023  
369p. ; 20cm.  
9786297587035  
\$ 10.00 / PB

310gm.

Mampukah kejauhan menyatukan dua hati?

Bermula dengan insiden kecil bersama lelaki bermata biru di sebuah kompleks membeli-belah telah membuatkan kehidupan Qayra huru-hara.

Dia langsung tidak menyangka lelaki itu adalah pensyarah baharu di kolejnya! Dan sikap Prof. Isaac yang misteri membuatkan hati Qayra terganggu.

Hidupnya bertambah kacau apabila berlakunya insiden ketika latihan teater di kolej yang menyebabkan Qayra tercampak ke satu tempat yang sangat asing. Dia menyangka semua itu hanyalah gurauan rakan-rakan. Namun apabila semua watak dalam skrip teater muncul di tempat asing itu, Qayra mula sangsi.

"Kau ... betulkah Kapten Heider?" - Qayra

"Semua orang di sini kenal aku." - Kapten Heider.

Dia yakin Prof. Isaac selaku penulis skrip teater tersebut pasti tahu apa yang berlaku.

Namun, bagaimana untuk dia mencari Prof. Isaac di tempat asing ini? Apakah lagi identitinya yang meragukan menjadikan dia pelarian yang diburu.

Ketika cuba mencari jalan pulang, sebuah rahsia mula terungkai. Jawapan yang dicari selama ini, terjawab di tempat asing itu dan menjadikan dia berat untuk melangkah pergi. Saat langit punya cerita yang sama, ruang yang berbeza mendakkan mereka bersama.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866461>

---

Sesuatu Yang Kembali: Trilogi Sesuatu Yang Hilang – Bahagian II / Anna Lee

Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023

524p. ; 20cm.

9786297587004

\$ 13,20 / PB

440gm.

Dalam kecemasan seperti itu, dinding manusia juga runtuh dengan pintu amanah.

Kemudian ia akan mentafsirkan manusia yang telah bertopeng.

Suaminya hilang tanpa mesej, tiada kesan.

Tetapi apabila mesej terakhir keluar daripada Ibra, Micah mula reda. Menunggu ditamatkan. Jangkaan mula hilang.

Tetapi ketika dia melepaskannya, takdir membawa mereka bertemu di Bunker Mall.

Bunker Mall – Sebuah bangunan membeli-belah yang dibina sebagai bunker kepada kumpulan elit. Sebaik wabak melanda, bunker itu tiba-tiba diaktifkan menyebabkan Micah dan Farid terperangkap di dalam.

Di situlah segalanya bermula...

Skandal berlaku...

Rahsia tersembunyi...

Dan...

Hidup menjadi taruhan.

Harapan adalah kehidupan. Jika hilang harapan... jiwa kosong.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866462>

---

Sesuatu Yang Sempurna: Trilogi Sesuatu Yang Hilang – Bahagian III / Anna Lee

Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023

460p. ; 20cm.

9786297587011

\$ 13.20 / PB

370gm.

Kita perlu bertahan!

Mereka belum selamat. Cabaran hebat sedang menanti. Namun demi hidup, demi insan tersayang, sesukar mana pun ujian mereka akan bertahan!  
Ibra tiada pilihan, dia terperangkap dalam perjanjian yang menyebabkan dia terpaksa melukakan hati si isteri. Rahsia itu biar kekal menjadi rahsia. Itulah misinya. Namun apabila wabak melanda, mungkinkah itu petanda terpendamnya satu rahsia?  
Jangan benci sangat. Bahaya. Nanti cinta sampai mati.- Ibra  
Bagi Mikha ini mungkin Kifarah. Dia reda namun dalam masa yang sama membenci suami yang dicintai bukan perkara mudah. Huru-hara hatinya seperti huru-haranya keadaan negara yang diserang wabak. Apatah lagi saat dia tahu si suami merahsiakan sesuatu daripadanya.  
Untuk memiliki sesuatu yang sempurna dia perlu melupakan segala kesakitan.  
Namun &hellip; mampukah dia melakukan?  
Benci dan dendam tidak akan menjadikan kita manusia – Mikha

<http://www.marymartin.com/web?pid=866463>

---

I'm Yours: Kerana Takdir Akan Menemukan Jalannya / Anna Lee  
Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023  
392p. ; 20cm.  
9789672569329  
\$ 11.20 / PB  
330gm.

Kerana takdir akan menemukan jalannya.  
Soraya membuat keputusan untuk pulang ke kampung halaman bersama dua orang anaknya. Ada misi yang ingin dilaksanakan demi memulakan hidup barunya, namun tanpa dia sedar kepulangan itu bakal mengubah sejarah hidupnya.  
Remi, lelaki asing yang tiba-tiba muncul dikampung itu lima tahun lalu tidak begitu disenangi oleh penduduk kampung, kecuali Tok Salim, ketua kampung. Kutu rayau, kaki lepak, itulah gelaran yang diterima. Namun itu semua langsung tidak diendahkannya.  
Soraya, kepulangannya menjadi buah mulut.  
Remi, kemunculannya menjadi tanda tanya.  
Apabila hati yang terluka bersatu dengan hati yang penuh rahsia, akhirnya menimbulkan kekalutan. Remi dan Soraya cuba untuk melaikan kekalutan itu, dan bersama mereka menemui dan membongkar satu rahsia yang disembunyikan bertahun lamanya.  
Termasuklah rahsia tentang hati.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866464>

---

Partner In Love: Yang Tersembunyi itu... ada sebabnya / Sophia  
Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023  
368p. ; 20cm.  
9789672569343  
1. Malay fiction.  
2. Malaysian fiction (Malay).  
\$ 11.20 / PB  
270gm.

Khalisa gadis janitor yang bukan biasa-biasa.  
Rayyan pula seorang doktor yang diselubungi dengan misteri keluarga.  
Kedua-duanya punya ego dan prinsip yang ingin dipertahankan. Namun kerana sebuah \_rubik's cube,\_ mereka bertemu.  
Satu kejadian telah mendekatkan mereka.  
Satu persoalan telah merapatkan mereka.  
Dan kerana satu janji, kedua-duanya saling terikat dalam keterpaksaan.

Khalisa setuju untuk membantu Rayyan mencari sebuah kebenaran yang selama ini disembunyikan oleh keluarga Rayyan.

Rayyan pula terpaksa menerima bantuan itu kerana itulah permintaan terakhir arwah ayahnya.

Mereka merentas dunia, menjelajah zon masa demi mencari jawapan kepada persoalan tersebut. Teka-teki terakhir perlu diselesaikan demi meraih sebuah jawapan. Namun, semakin dalam mereka menggali rahsia yang lama terkubur, semakin rumit dirasakan. "You crack the code, I'll get the answer..."

<http://www.marymartin.com/web?pid=866465>

---

Kambus: It's only a crime if you get caught... / Ayumi

Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2022

312p. ; 20cm.

9789672569350

\$ 10.00 / PB

230gm.

Ini kisah cinta.

Kisah Yin dan Dzil yang bertemu pertama kalinya di Osaka, Jepun.

Dan ini juga kisah dua hati yang baru belajar untuk mengenali dan menyayangi.

Tapi ... apabila Yin dan Dzil tiba-tiba terperangkap dalam satu misteri pembunuhan, sekelip mata hidup mereka berantakan.

"Kita tak boleh biarkan aje mayat ni dekat sini. Kita kena buat sesuatu!" - Dzil

"Janji yang kita takkan sebut lagi tentang hal ni. Sampai bila-bila." - Yin

Kata orang, lagi kita cuba untuk kambus suatu rahsia hitam itu, lagi kuat ia datang menghantui.

Dan apabila semakin sukar untuk rahsia itu terus kekal menjadi rahsia ... bagaimana dengan kisah cinta Yin dan Dzil?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866466>

---

Kelab Duka Lara: Bahagia itu Sederhana / Kamalia

Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2022

372p. ; 20cm.

9789672569367

\$ 10.00 / PB

300gm.

Bagi Dian, ketika ini hanya Roni saja yang mampu memberi terang dalam hidupnya. Tapi sayang seribu kali sayang, Ella, si sahabat baik pula yang bertunang dengan Roni.

Kemunculan tiba-tiba lelaki misteri bernama Zain itu tidak pernah dijemput. Dian cuba menjauhkan diri, tapi anehnya, dia sendiri yang kembali datang kepada Zain. Tujuannya hanya satu; demi untuk mendapatkan Roni semula.

"Saya boleh tolong selesaikan masalah awak. Saya boleh tolong awak dapatkan orang itu semula." -ZAIN.

Bermula sebagai orang asing, hubungan mereka semakin lama semakin erat sehingga menguak rahsia antara satu sama lain.

Apabila logik akal dan mitos saling bersatu. Dongeng dan realiti mula bertaut.

Tanpa sedar dua hati semakin berbunga.

Namun, untuk jatuh cinta adalah mustahil. Garis masa kehidupan mereka berbeza, tujuan mereka pula tidak sehala.

Pada Roni tergantungnya impian, pada Zain tersandarnya harapan.

Siapakah yang bakal bertakhta dalam hati Dian?

Dan yang paling utama ...

Siapakah Zain yang sebenarnya?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866467>

---

Senandung Kau Dan Aku: Cerita Kita Akan Menemui Jalannya / Kamalia

Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023

352p. ; 20cm.

9789672569398

\$ 11.20 / PB

305gm.

Sebuah kaset yang menggerakkan cerita cinta. Sebuah lagu yang mengembalikan kenangan lama.

Helmy dan Nilam berjanji untuk mengikat hubungan mereka hingga ke jenjang pelamin.

Namun, siapalah yang dapat menduga masa hadapan.

Hubungan mereka terputus di tengah jalan. Bukan kerana orang ketiga. Bukan kerana cinta telah pudar, tetapi kerana Helmy hilang tiba-tiba.

Kehilangan Helmy menjadi tanda tanya apabila keluarganya juga turut keluar dari rumah mereka dan tidak dapat dijejaki. Nilam yakin ia ada kena-mengena dengan pesanan yang ingin disampaikan oleh Helmy malam sebelum lelaki itu hilang.

14 tahun kemudian, lagu kenangan mereka menemukan Helmy dan Nilam semula dalam keadaan yang tidak disangka-sangka.

Mereka mendewasa dan menjalani kehidupan masing-masing tanpa satu sama lain.

Namun pertemuan semula itulah membuka semula satu per satu sebab kehilangan Helmy sekeluarga. Lebih mengejutkan ia berkait rapat dengan keluarga Nilam sendiri.

Dengan segala apa yang berlaku, dapatkah kisah cinta mereka bersambung kembali?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866468>

---

Mimpi Tak Pernah Lupa: ... Saat Semua Yang Lain Sudah Melepaskan / Fakhrul Halim

Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023

384p. ; 20cm.

9789672569381

\$ 11.20 / PB

330gm.

Apabila Hana bermimpi, dia menjelma menjadi watak nyata dalam hidup Khairul. Khairul juga serupa. Kenapa begitu? Kenapa sekarang?

Setelah kenangan sebagai suami isteri di bumi Jepun sembilan tahun dahulu, telah mereka lepaskan.

Hana sangka, dia telah melupakan segala-galanya tentang Khairul.

Khairul yakin, dia pasrah melepaskan Hana.

Sehinggalah mereka bertemu kembali.

Ego, kesal, rajuk ... lemas dalam rahsia-rahsia yang menjeluak. Mereka berlagak dewasa, berpura-pura melupakan masa silam.

Tetapi mimpi tidak pernah lupa ... saat semua yang lain sudah melepaskan.

Setiap hari, manusia bermimpi empat kali; bercakap tidak kurang 7,000 patah kata; meminta maaf sebanyak lapan kali.

Bagaimana jika maaf tak terungkap, dek ruang bercakap dirampas?

Bagaimana jika Tuhan mengaturkan tiga pertemuan, dalam tiga peristiwa mimpi berbeza untuk memperbetulkan keadaan?

Apakah mimpi dapat membuatkan dua insan kembali ingat akan hal-hal yang cuba mereka lepaskan?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866469>

---

Log Cabin: ... Ada Sesuatu Tentangnya / Zahida Zarkasi  
Selangor, Malaysia: Prolog Media, 2023  
360p. ; 20cm.  
9789672569374  
\$ 11.20 / PB  
310gm.

Zara, seorang penulis novel yang baru saja kehilangan suami dan anak tersayang membawa diri ke log cabin untuk mencari ketenangan dan menyiapkan manuskrip yang tertangguh.

Namun tanpa disangka dia telah terperangkap dalam plot cerita yang sedang dikarang. Lain yang dirancang, lain yang telah berlaku. Watak-watak utama dalam novel yang sedang dikarangnya tiba-tiba hidup lalu mengancam emosi dan perasaannya.

"Saya ke sini untuk menyiapkan manuskrip saya. Tapi lain pula yang terjadi. Laptop saya kehabisan bateri. Nak cas tak boleh sebab tak ada elektrik di sini. Nak keluar tak boleh sebab jip rosak. Akhirnya saya tercampak ke dunia novel yang saya ciptakan sendiri." ~  
Zara

Ketenangan yang dicari di log cabin menambahkan sengsara yang sedia ada. Namun sebaik sahaja dia berjaya meninggalkan log cabin, satu demi satu rahsia terbongkar.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866470>

---

Dalil CintaNya / Farrah Syakirah Mohamad Nor  
Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press, International Islamic University Malaysia, 2023  
xxii, 106p. ; 31cm.  
9789674913236

1. Farrah Syakirah Mohamad Nor-Anecdotes.
2. Depressed persons-Anecdotes.
3. Depression, Mental-Anecdotes.
4. Depression in women-Anecdotes.

\$ 16.00 / PB  
155gm.

Walaupun diuji dengan pelbagai dugaan sejak dari kecik, Dr. Farha Berjaya menamantkan pengajiannya dalam bidang perubatan dan menjadi seorang doctor dalam bidang pediatrik. Namun tekanan kerja dan tekanan hidup yang berterusan menyebabkan beliau mencecah had maksimum kemampuannya sehingga mengakibatkan fizikal, mental dan emosi beliau mula menunjukkan tanda-tanda kemurungan. Malangnya stigma mengenai penyakit mental menyebabkan beliau lewat mendapatkan rawatan sehingga penyakit beliau berada di peringkat yang teruk dan pernah mencederakan dirinya sendiri. Ketahuilah kisah perjalanan hidup Dr. Farrah yang disahkan mengidap kemurungan berganda dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh beliau sebelum dan sewaktu proses rawatan penyakit tersebut.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866471>

---

Kumpulan Cerpen Kanak-Kanak: Hayat Abang / Muhfa Rijal'n  
Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023  
146p.  
9786297582030  
\$ 10.00 / PB  
160gm.

Sejak kehilangan ibu, mood ayah berubah-rubah. Hayat dan juga adik sering kali dipukul. Namun, apa yang terjadi bermain di kepala mereka berdua. Apa salah mereka?

"Abang, kita jahat sangat ke? Ayah dah tak sayang kita lagi ke? Kenapa ayah pukul kita?" – Adik.

Apa yang terjadi, Hayat selalu memikirkan perkara yang positif. Baginya, ayah cuma mahu mendidik. Dia mahukan anak-anaknya jadi yang lebih baik.

"Tak tahulah adik. Sebenarnya ayah pukul kita sebab ayah sayang kita." – Hayat. Namun, apa yang telah berlaku memberi kesan kepada mereka berdua. Mereka menanti setiap detik akan apa yang bakal berlaku. Menunggu batang tubuh ayah pulang seperti menunggu balasan hidup mereka di dunia. Adakah Hayat dan adik bertahan hingga mendatangkan penyesalan kepada si Ayah? Semuanya dalam cerpen "Hayat Abang" yang akan memberi noktah kepada setiap persoalan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866472>

---

Kumpulan Cerpen Remaja: Sinlan Dalby / Muhfa Rijal'n  
Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023  
160p.  
9786297582054  
\$ 11.60 / PB  
155gm.

Kali ini, tugasan yang Ika peroleh terlalu rumit. Sehinggakan apa yang berlaku di depan mata tidak dipercayainya. Hutan yang disangka hutan biasa berselindung dengan perkara yang luar biasa.

"Keldai Penunggu Hutan Dalby, Satu Bunyi Dapat Menjelmakannya" Setiap persoalan perlu dirungkai. Jika Ika boleh menghabiskan kajian itu, pasti markah penuh yang akan dia peroleh. "Awak tak rasa hairan dengan keldai yang fokus pada bunyi dan akan muncul jika ada bunyi?" – Ika

Adakah cerita-cerita yang dia dengar mengenai hutan itu benar-benar ada? Keldai si penunggu hutan benar-benar wujud atau hanya khayalan dongeng sahaja?

<http://www.marymartin.com/web?pid=866473>

---

Apresiasi Imej Manusia Dalam Sajak / Maniyamin Ibrahim  
Kedah, Malaysia: UUM Press, Universiti Utara Malaysia, 2023  
x, 206p.  
Include Index.  
9786297582313  
\$ 16.00 / PB  
335gm.

Buku ini merupakan himpunan esei kritikan dan makalah yang pernah dibentangkan di beberapa seminar kesusteraan di dalam dan di luar negara. Isi kandungannya sesuai untuk bacaan para pelajar sekolah menengah, mahasiswa universiti, para penulis, pengkritik dan masyarakat umum. Dengan bahasa yang mudah, pengarang berusaha memaparkan gambaran masyarakat, persekitarannya dan tanggapan penyair terhadap peristiwa yang berlaku di sekelilingnya.

Gambaran ini penting kepada pembaca, khususnya mereka yang sering berdepan dengan khalayak dan sebagai teladan kepada pembaca untuk membina tamadun hidupnya. Walaupun sederhana, diharapkan buku ini dapat memberikan gambaran akan gerak nadi masyarakat pada zamannya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866474>

---

Hang Tuah: Catatan Kecemerlangan Wira Bangsa / Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023

xiv, 210p.

Include Indexs.

9786297590004

\$ 24.00 / PB

385gm.

Hang Tuah: Catatan Kecemerlangan Wira Bangsa menumpukan menumpukan tema kecemerlangan Hang Tuah dengan sifat keperwiraan, kebijaksanaan dan ketinggian ilmunya. Sifat keperwiraan dan kebijaksanaan Hang Tuah digambarkan dalam peristiwa penjelajahan beliau ke 15 buah negara, sebagai pelopor penjelajah samudera luas orang Melayu. Jiwa dan semangat, penjelajahan dan kemahiran orang Melayu mengharungi lautan luas dilambangkan dengan megahnya oleh Laksamana Hang Tuah, sebagai suri contoh teladan kepada bangsa Melayu yang bukan sahaja tercatat dalam dokumen sekunder di Alam Melayu seperti Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah, tetapi juga data primer dari luar negara, iaitu Jepun, Portugal dan juga India. Tokoh Laksamana Hang Tuah memang wujud dalam sejarah dan pernah menjelajah ke Jepun, India, Siam, Mekah, Madinah, Mesir dan Istanbul, selain negara-negara di dunia Melayu sendiri.

Sesungguhnya berdasarkan buku Hikayat Hang Tuah, pelayaran Hang Tuah dengan kapal Mendam Berahi merupakan satu warisan penjelajahan maritim Melayu yang agung menghampiri sehebatnya kisah penjelajahan Odysseus dalam mitos Yunani, 'The Odyssey', yang menjadikannya satu warisan penjelajahan maritim Melayu yang agung dan iktibar bagi pembinaan kembali tamadun Melayu. Kapal Mendam Berahi di bawah perintah Laksamana Hang Tuah telah menjelajahi sekurang-kurangnya 15 buah negara atau bandar, iaitu Majapahit, Bentan, Lingga, Palembang, Jayakarta, Aceh, Brunei, Siam, Sailon (Ceylon), Benua Keling, Benua China, Inderapura (Singapura), Mesir, Jeddah dan juga Benua Rom Istanbul (Stambul). Dalam penjelajahan itu Hang Tuah telah mengalami pelbagai peristiwa dan terlibat dalam beberapa peperangan dan pertempuran laut iaitu dengan Feringgi, Jepun yang bermukim di Kemboja, Brunei dan lain-lain.

Buku ini merupakan kesinambungan kepada dua buah buku terdahulu iaitu Hang Tuah: Catatan Okinawa (2015), dan Hang Tuah: Catatan Vijayanagara (2017). Dalam Catatan Okinawa, teras utama penghuriaiannya ialah pembuktian tentang kewujudan Hang Tuah berdasarkan data utama atau data primer, iaitu tiga surat dalam catatan rasmi Rekidai Höan kerajaan Ryukyu Okinawa bertarikh 1480-1481, dan catatan Alfonso Dalboquerque, The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque bertarikh 1511. Manakala dalam Catatan Vijayanagara, telah dibuktikan bahawa Laksamana Hang Tuah telah berkunjung ke Empayar Vijayanagara di India Selatan, seperti yang dicatatkan dalam Hikayat Hang Tuah, berdasarkan ukiran-ukiran di dinding runtuhan bangunan Vijayanagara di Hampi India Selatan. Ada ukiran yang menunjukkan seorang perwira berdasarkan corak Melayu sedang menaiki kuda, yang merujuk kepada peristiwa Hang Tuah menjinakkan kuda Tezi Farsi milik Raja Vijayanagara Krisna Rayan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=861177>

---

Bentala Pantun / Azimin Daud

Serdang, Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023

x, 106p.

Include Indexs.

9789670035444

1. Malay poetry.

2. Pantoums.

3. Poetry.

\$ 19.20 / PB

270gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866475>

---

Pantun Teka-Teki: Fikir dan Tafsir / Azimin Daud

Serdang, Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2022

x, 102p.

9789672989851

1. Pantoums.

2. Riddles, Malay.

\$ 24.00 / PB

550gm.

Menyari kecerdikan, ketinggian dan kebijaksanaan pantun itu unik dan indah. Fikir dan tafsir menjadi titik tumpu pembaca menilai kesarjanaan pantun teka-teki dalam pemikiran dan pentafsiran. Berbekalkan pantun teka-teki, ilustrasi dan mandala (doodle) yang indah dan menarik pembaca akan menemui kebitaraan pantun.

Kalau kayu hendak ditarah,  
keratlah cabang dengan daunnya;  
Kalau ilmu hendak bertambah,  
Dekati orang dengan pantunnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859370>

---

Fitrah dalam Novel / Rosmah Derak

Sabah, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2022

x, 126p.

Include Index

9789672738527

1. Malay literature – History and criticism.

2. Islamic literature – History and criticism.

3. Literature—Philosophy.

\$ 24.00 / PB

210gm.

#### Book Details:

Buku ini hadir dengan suatu misi iaitu memperkenalkan suatu bentuk pendekatan baharu untuk memahami, menganalisis dan mengkritik hasil karya sastera yang ada hubungannya dengan Islam. Kritikan fitrah cetusan idea sarjana tempatan, Sohaimi Abdul Aziz menjadi perbincangan utama buku ini. Kritikan ini dibangunkan berlandaskan konsep fitrah manusia seperti yang terdapat dalam al-Quran dan hadis. Mengikut kritikan fitrah, manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu beragama Islam, mengakui keesaan Allah, suci, selamat, fitrah untuk beribadah, fitrah yang cenderung kepada kebaikan, fitrah tulus ikhlas, fitrah percaya kepada takdir kebahagiaan dan kesengsaraan dan fitrah manusia untuk memiliki sifat-sifat asmaul husna.

Fitrah manusia ini akan menjadi sempurna apabila manusia menjadikan tiga teras dalam ajaran Islam sebagai pegangan hidup yang merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.

Kehadiran buku ini diharap dapat memberi sumbangan yang penting dalam bidang teori dan kritikan sastera di Malaysia, sekali gus merancakkan lagi penerokaan terhadap teori dan kritikan sastera janaan sarjana tempatan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866476>

---

Novel-novel Penulis Sabah dalam Kritikan / Asmiaty Amat

Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2022

xii, 156p.

Include Index  
9789672738626

1. Malay essays.
2. Essays.
3. Malay fiction—Criticism, Textual.

\$ 26.00 / PB

230gm.

Ghalibnya pembicaraan terhadap novel penulis Sabah dilakukan ketika terdapat sesi bicara buku atau seminar membincarakan seorang tokoh penulis. Kritikan terhadap novel-novel penulis Sabah terarah kepada fokus atau tema novel. Pada peringkat awal, memperkatakan novel-novel penulis Sabah tidak lari daripada memperkatakan keintiman pengarang terhadap isu identiti etnik masyarakat peribumi dan kepercayaan yang menjadi kawah dan sumber berharga negeri Sabah. Perkara ini dimulakan oleh tokoh penulis Ismail Abbas atau Amil Jaya dan diperpanjangkan oleh penulis-penulis terkemudian.

Justeru, membincarakan karya-karya sedemikian tidak lari daripada kaedah bacaan sosiologi bagi memperakui perkaitan yang wujud dalam sastera dengan realiti dalam masyarakat. Kemudian, muncul Azmah dengan perjuangan wanitanya dan kaedah bacaan feminism. Pada era kini telah muncul beberapa penulis yang mula lari daripada kebiasaan tersebut dan teknik penceritaan mereka juga mula mempamerkan gaya penulisan realisme magis. Inilah yang cuba disajikan dalam buku ini bagi menyingkap kelebihan dan keistimewaan novel-novel penulis di negeri Sabah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=860762>

---

### *Politics / Current Affairs*

Integriti Dan Antirasuah / Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Norhadi Rohani  
Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2024

x, 176p.

Include Indexs.

9789674882938

\$ 14.40 / PB

275gm.

#### Book Details:

Integriti dan Antirasuah merupakan rujukan utama bagi Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) yang ditawarkan di pelbagai institusi pengajian tinggi serta bertujuan untuk pendidikan masyarakat secara umumnya. Penawaran KIAR adalah hasil kolaborasi antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai wahana menerapkan kerangka pemikiran kritikal dan analitikal berbentuk wacana integriti dan antirasuah; sebagai persediaan menangani dinamika cabaran kehidupan berlandaskan etika. Buku ini mengandungi perbahasan topik yang telah dikupas secara terperinci berdasarkan silibus KIAR berserta penambahan input yang signifikan oleh para penulis melalui sorotan literatur dan perbincangan bersama. Naratif dominan buku ini adalah mengutarkan perbincangan berkaitan nilai integriti dan usaha antirasuah serta ancaman terhadap akauntabiliti di peringkat individu, sektor awam mahupun swasta. Justeru, buku ini memberikan horizon perbincangan tentang amalan etika sebagai landasan utama dalam membentuk masyarakat yang beretika, integriti tinggi dan antirasuah. Oleh itu, aplikasi dan implikasi daripada prinsip integriti dan antirasuah menzahirkan perilaku bertanggungjawab yang merupakan wadah pembentukan dan pemupukan sikap warganegara yang patriotik.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866477>

---

Risikan Penguatkuasaan / Samsudin Yaacob  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023  
xii, 120p.  
Include Indexs.  
9786297590288  
\$ 18.00 / PB  
235gm.

Buku Risikan Penguatkuasaan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada khususnya pegawai dan kakitangan yang bertugas dalam bidang sains kepolisan, penguatkuasaan, keselamatan dan undang-undang sama ada di sektor awam atau swasta. Hasil penulisan buku ini diharapkan pembaca akan lebih memahami dunia sains perisikan. Selain itu, ia turut memberi pendedahan kepada golongan professional dan para pelajar dalam bidang ini. Buku ini juga merupakan panduan yang amat penting kepada pegawai dan kakitangan penguatkuasa dan keselamatan dalam menguruskan agensi penguatkuasaan mereka khususnya dalam mentadbir Jabatan Perisikan mereka dengan lebih berkesan. Walaupun buku ini ditulis dengan ringkas, penulis berharap buku ini akan menjadi ilmu yang bermanfaat kepada pembaca sepanjang hayat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866478>

---

Kepolisian Komuniti Melalui Skim Rondaan Sukarela SRS / Nur Qurratul' Aini Ismail, Mohd Hilmi Hamzah  
Perlis, Malaysia: UniMAP, 2023  
xii, 128p.  
Include Index  
9789672829638  
\$ 13.60 / PB  
190gm.

Program Skim Rondaan Sukarela (SRS) kini menjadi pemangkin kepada setiap aktiviti dalam membendung kejadian-kejadian jenayah yang sering kali berlaku di kawasan perumahan semenjak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, aspek kesukarelawanan kepolisan komuniti dalam SRS masih lagi berada di tahap bawahannya, di mana ia masih belum diangkat menjadi amalan kebiasaan secara sistematis dan berterusan. Sehubungan dengan itu, buku ini ditulis sebagai panduan kepada pembuat dasar terutamanya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam merangka polisi atau pelan tindakan yang bersesuaian dan penambahbaikan yang diperlukan bagi program pencegahan yang sedia ada. Di samping itu, buku ini dapat menyarankan kaedah yang berkesan dari segi penyampaian maklumat dalam mengatasi masalah jenayah pada masa kini. Buku ini juga ditulis untuk dijadikan rujukan kepada masyarakat dalam mengetahui fenomena sebenar peranan atau kepentingan SRS untuk bersama-sama pihak PDRM bagi menangani jenayah pada masa kini. Hasil nukilan ini juga boleh menjadi rujukan utama kepada ahli akademik, penyelidik dan pelajar di peringkat kolej, universiti awam dan swasta, pusat pemulihan, agensi keselamatan, NGO serta orang awam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866479>

---

Kaedah Pemantapan Semangat Cintakan Negara Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Berteraskan Patriotisme / Ku Hasnita Ku Samsu, Zaitul Himmah Adnan, (et als.)  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2022  
xxii, 90p.  
Include Indexs.

9789670035253

1. Patriotism—Study and teaching.
2. Nationalism—Study and teaching.

\$ 14.80 / PB  
210gm.

Meskipun pendidikan yang melibatkan subjek berteraskan patriotism bagi memantapkan semangat cintakan negara telah lama wujud dalam sistem pendidikan negara kita, namun matlamat tersebut seolah-oleh tidak tercapai secara menyeluruh. Hal ini terbukti melalui laporan media mengenai isu semasa yang menggambarkan kerapuhan serta kelunturan semangat patriotic warga terutamanya generasi muda. Umpamanya isu kritikan dan penghinaan terhadap institusi beraja, agama Islam, lagu kebangsaan, bendera negara dan bahasa kebangsaan. Sehubungan itu, pendidikan patriotism yang bertindak sebagai salah satu mekanisme penting untuk memantapkan patriotism generasi muda khususnya pada pelajar perlu dikaji semula. Dalam konteks ini, kebanyakkan pelajar beranggapkan bahawa subjek berteraskan patriotism adalah membosankan kerana mereka terpaksa mengingati fakta sejarah. Justeru, pelajar perlu berusaha sedaya upaya untuk mencari minat pelajar terhadap subjek tersebut bagi mencapai objektif pembelajarannya. Lantaran itu, penulisan buku yang berasaskan kepada penyelidikan ini telah diusahakan untuk mengenal pasti teknik pengajaran dan pembelajaran subjek berteraskan patriotism yang bersesuaian dari sudut pandang pelajar. Pendekatan penyelidikan yang berkonsepkan bawah-atas dalam pengumpulan data melalui teknik kumpulan nominal (NGT) adalah merupakan kelebihan buku ini. Menerusi pendekatan ini, penentuan kaedah bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari subjek berteraskan patriotism adalah dilakukan oleh pelajar sendiri. Hal ini kerana, proses penghayatan patriotism akan lebih mudah berlaku jika kaedah yang digunakan adalah berdasarkan pilihan dan kehendak pelajar. Ringkasnya, kaedah-kaedah yang dibincangkan dalam bab ini adalah berpaksikan kepada kehendak dan keinginan responden sendiri supaya sesi pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih menyeronokkan, menarik, hidup, interaktif serta tidak membosankan, sekali gus memberi kesan yang positif terhadap kemampuan pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran subjek terbabit.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866480>

---

### *Religion – Islam*

Kompas Kepimpinan Daripada Madrasah Al-Quran: Meneladani Sifat Kepimpinan Nabi Sulaiman dan Pemuda Penakluk Konstantinopel / Syaari Ab Rahman Fakhrul Islam Malaysia: PTS Publishing House, 2024  
xix, 285p.

9786297564326  
\$ 16.00 / PB  
305gm.

Intipati kepimpinan yang baik itu sebenarnya terhasil daripada prinsip dan nilai yang dicorak dalam proses pembentukan seorang pemimpin yang baik.

Kompas Kepimpinan daripada Madrasah Al-Quran lebih bertumpu kepada formula-formula dan intipati kepimpinan al-Quran menerusi sosok kepimpinan Nabi Sulaiman a.s. dalam surah an-Naml yang kemudiannya diperaktikkan oleh Sultan Muhammad II atau lebih dikenali dengan Sultan Muhammad Al-Fateh melalui kajian sejarah Uthmaniyyah.

Istimewanya karya ini dalam menghubungkan dua tokoh yang sering dilihat asing dan jauh kerana keagungan dan kekuatan yang berjaya dicapai pada zaman masing-masing. Karya ini membawakan konsep penting yang menhubungkan dua disiplin ilmu iaitu al-Quran dan sejarah, pada peristiwa lampau dan realiti.

Karya ini berhasrat mendefinisikan ibrah kepimpinan daripada prinsip-prinsip al-Quran yang bertujuan membentuk keperibadian muslim profesional melalui akronim F-A-T-E-H

F- Futuristic

A- Active

T- Teamwork

E- Enlightenment

H- Humanity.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866481>

---

Makna Diri dan Kualiti Guru Pendidikan Islam / Nurul Asiah Fasehah Muhamad & Noornajihan Jaafar

Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
152p.

Include Index.

9786297534411

\$ 18.40 / PB

230gm.

Buku ini memfokuskan perbincangan terhadap kualiti dalaman yang harus ada bagi setiap guru Pendidikan Islam. Secara naratif, perbincangan dalam buku ini dimulakan dengan penerokaan tentang hakikat diri insan menerusi pandangan alam Islam. Perkara ini menjadi paksi kepada perbincangan tentang kualiti guru Pendidikan Islam. Kemudian perbincangan diteruskan dengan analisis komperatif antara faham diri Islam dan Barat dengan membawa beberapa model daripada jalur tradisi Islam dan Barat. Berikutnya, pembaca akan dihidangkan dengan peranan guru sebagai khalifah atas platform guru pendidikan Islam dengan membincangkan beberapa istilah yang melambangkan diri guru menerusi tradisi Islam iaitu: Muaddib, Murabbi, Mualim, Mudarris dan Mursyid. Perbincangan diteruskan dengan mengetengahkan ciri-ciri guru berkualiti menerusi beberapa model sarjana Muslim. Akhirnya, perbahasan buku ini ditutup dengan mengangkat beberapa ciri penting yang harus ada dalam diri guru Pendidikan Islam iaitu penguasaan ilmu, kemahiran serta kesempurnaan sahsiah. Diharapkan penerbitan buku ini dapat membantu guru Pendidikan Islam khususnya dalam usaha menjadi penggerak kepada transformasi pendidikan negara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866482>

---

Kritikan Orientalis Terhadap Ai-Quran / Ahmad Sanusi Azmi

Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
135p.

Include Index.

9789670001869

\$ 20.00 / PB

215gm.

Begitulah soalan yang diajukan oleh Profesor David Thomas, penyelia saya di University of Birmingham. Persoalan-persoalan kritis yang dilontarkan oleh beliau membuatkan saya terpanggil untuk merekodkan perbahasan berkenaan al-Quran ini dalam sebuah penulisan. Sudut pandang yang diberikan oleh penyelidik Barat jauh berbeza dengan perkara yang kami pelajari di al-Azhar suatu ketika dahulu.

Melihat kajian-kajian orientalis seperti ini telah mula menjadi bahan bacaan umum buat Muslim sendiri, saya berharap agar coretan kecil ini mampu memberikan sedikit sumbangan dalam meningkatkan kefahaman masyarakat berhubung kritikan orientalis terhadap al-Quran.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866483>

---

Pedagogi Terbeza dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran: Teori dan Aplikasi / Zurina Mustaffa,  
Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman  
Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2023  
120p.  
Include Indexs.  
9789674882853  
\$ 19.20 / PB  
195gm.

Pendidikan di Malaysia telah berubah daripada berpusatkan peperiksaan (exam oriented) kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Melalui PBS, murid-murid dinilai dan ditaksir secara holistik yang mencakupi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Untuk merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menghasilkan kemenjadian murid yang cemerlang dalam ketiga-tiga aspek tersebut, maka murid-murid yang pelbagai aras pencapaian, gaya pembelajaran dan juga pelbagai kecerdasan telah berada dan belajar di dalam bilik darjah yang sama. Mereka bersama-sama mempelajari kemahiran yang diajar guru. Justeru itu, timbul keluh kesah guru bagaimana hendak menangani murid yang pelbagai aras pencapaian, kecerdasan dan gaya pembelajaran belajar di bilik darjah yang sama. Sehubungan dengan itu, KPM telah mengambil langkah memperkenalkan pendekatan pengajaran yang dinamakan Pedagogi Terbeza. Walaupun pedagogi ini telah diperkenalkan, namun masih wujud kekeliruan dan kekurangan pengetahuan dalam kalangan guru berkaitan pelaksanaan Pedagogi Terbeza. Oleh itu, penulis telah mengilhamkan sebuah buku yang bertajuk "Pedagogi Terbeza dalam Pengajaran tilawah Al-Quran: Teori dan Aplikasi". Buku ini mengandungi 5 bab yang membincangkan tentang pengenalan kepada Pedagogi Terbeza, Konsep pengajaran Tilawah Al-Quran, Teori-teori dan model-model berkaitan Pedagogi Terbeza, Pelaksanaan Pedagogi Terbeza dan Rumusan. Penulis berharap kupasan di dalam buku ini dapat memberi manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada semua pembaca sama ada pembaca daripada kalangan warga guru atau bukan guru. Selain itu, penulis juga berharap kupasan buku ini dapat dijadikan panduan dalam kalangan pegawai PPD dan pentadbir sekolah dalam memperkuuhkan lagi pengetahuan tentang Pedagogi Terbeza sebelum membuat sebaran tentang pedagogi tersebut.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866484>

---

Hadis Peristiwa Akhir Zaman: Antara Takwilan dengan Imaginasi / Faisal Ahmad Shah  
Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2023  
xii, 220p.  
Include Indexs.  
9789670035444  
\$ 24.00 / PB  
350gm.

Buku berjudul Hadis Peristiwa Akhir Zaman: Antara Takwilan Dengan Imaginasi ini membincangkan mengenai pertikaian dan salah faham terhadap peristiwa akhir zaman dan penyelesaiannya menurut perspektif hadis. Peristiwa akhir zaman sentiasa mendapat tempat dalam hati masyarakat Islam di Malaysia kerana kisah-kisah pelik dan luar biasa yang terdapat di dalamnya. Penulisan ini mendedahkan tentang golongan tertentu yang mengupas peristiwa akhir zaman dengan takwilan yang bersandarkan kepada logik akal semata-mata atau imaginasi yang melampau sehingga menyelewengkan maksud hadis daripada kefahaman yang sebenar. Golongan yang bukan berlatarbelakangkan pengajaran Islam turut berminat mengupas peristiwa akhir zaman namun akhirnya terjebak dengan teori-teori konspirasi yang tiada asas dan fakta yang jelas.

Buku ini berusaha menjawab segala tohmahan dan pertikaian terhadap hadis peristiwa akhir zaman berdasarkan panduan dan rujukan hadis Nabi SAW selain kupasan tuntas mengenai kaedah berinteraksi dengan hadis fitan yang diletakkan asasnya oleh para ulama hadis dalam karya-karya penulisan mereka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866485>

---

دراسات في علم الجرح والتعديل تدريبات وتطبيقات / Gasmelsid, Saadeldin Mansour

Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press, International Islamic University Malaysia 2022

198p.

9789674911973

In Arabic

\$ 24.00 / PB

340gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866486>

---

لغة البحث العلمي / Mohamed Abdelrahman Ibrahim

Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press, International Islamic University Malaysia 2024

154p.

9789674913458

In Arabic

\$ 18.00 / PB

290gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866487>

---

اللغة الثانية : مدخل تطبيقي في التعليم والتعليم / Erfan Abdeldaim Mohamed Ahmed Abdella

Kuala Lumpur, Malaysia: IIUM Press, International Islamic University Malaysia 2024

314p.

9789674913489

In Arabic

\$ 24.00 / PB

535gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866488>

---

Kaedah Pentafsiran M. Quraish Shihab dalam Tafsir al-Mishbah / Abur Hamdi Usman, Mohd Farid Ravi Abdullah, Mazlan Ibrahim

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2023

xvi, 276p.

Include Indexs.

9786297590103

\$ 24.00 / PB

435gm.

Kecenderungan ulama dalam penulisan karya sesuatu bidang ilmu pada setiap kurun bergantung kepada keadaan sosial masyarakat yang melingkungi. Penulisan tentang kaedah tafsir telah lama diterokai oleh ulama bermula dari zaman Badr al-Dīn al-Zarkashī (1344-1392 M.) pada kurun ke-8 sehingga M. Quraish Shihab (l. 1944) pada kurun ke-21. Namun karya-karya seperti ini amat langka didapati pada rak-rak perpustakaan sehingga jauh sekali untuk dijadikan bahan kajian oleh para penuntut ilmu generasi masa kini. Sebagai contoh di dunia Melayu, sejak zaman awal mufasir pertama (abad ke-17) yang dirintis oleh Syeikh 'Abd al-Ra'ūf al-Fanṣūrī al-Sinkīlī (1615-1693 M.) sehingga tahun 2012 (abad ke-21) belum didapati karya yang membahaskan tentang kaedah tafsir secara khusus dalam sebuah buku. Meskipun terdapat mufasir Nusantara, seperti Teungku Hasbi al-Shiddieqi (1904-1975 M.) yang membincangkan kaedah tafsir, tetapi ia hanya termuat dalam

perbahasan bab dalam buku dan merupakan terjemahan daripada kitab primer yang bersumber daripada bahasa Arab. Fenomena ini sewajarnya tidak berlaku memandangkan kaedah tafsir merupakan salah satu alat bantu yang amat mustahak untuk dikuasai oleh seorang mufasir bagi mendapatkan panduan dalam mentafsirkan al-Quran selaras dengan kehendak syarak serta dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866489>

---

Katalog Manuskrip: Koleksi Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah, Narathiwat, Thailand / Syed Najihuddin Syed Hassan & Abdulloh Salaeh  
Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
156p.

Include Indexs  
9786297534459  
\$ 24.00 / PB  
240gm.

Book Details:

Buku ini mengandungi beberapa maklumat yang berkaitan Katalog Manuskrip: Koleksi Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah, daripada jenis al-Quran, kulit, dakwat, tahun penulisan, ragam hias, asal-usul dan lain-lain. Semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada pembaca seluruhnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859784>

---

Konsep dan Panduan Syariah Terhadap Pengubahan Ciptaan Allah SWT / Mohammad Naqib Hamdan & Mohd Anuar Ramli  
Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit USIM Universiti Sains Islam Malaysia, 2023  
152p.

Includes Indexs, Bibliography & Glossary.  
9786297534350  
\$ 18.00 / PB  
205gm.

Book Details:

Buku ini menjelaskan konsep taghyir khalqillah menurut pandangan Islam berdasarkan analisis perspektif mufassirin, muhaddithin dan fuqaha. Penulis mendapat bahawa para ulama menggunakan pertimbangan maqasid syariah dalam penentuan hukum. Ia dapat dikelaskan kepada taghyir daruri, taghyir haji dan taghyir tahsini. Buku ini memfokuskan kepada pembangunan kriteria taghyir tahsini sahaja kerana taghyir daruri dan taghyir haji diharuskan oleh para ulama dalam ruang keperluannya sahaja. Sedangkan taghyir tahsini tiada panduan secara khusus. Konsep dan kriteria taghyir khalqillah yang dicadangkan ini boleh dijadikan panduan oleh pihak pengurusan fatwa negeri bagi memutuskan fatwa dalam isu berkaitan sains dan teknologi seperti perubatan dan pemakanan di samping isu-isu yang lain. Para doktor dan pesakit juga boleh merujuk panduan ini sebagai pertimbangan ketika menentukan prosedur perubatan yang selari dengan petunjuk syariah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859780>

---

Pusat Manuskrip Narathiwat Thailand Dan Jaringan Kerjasama Dengan Universiti Sains Islam Malaysia / Syed Najhuddin Syed Hassan (et al.)  
Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM Press), 2023  
88p.

Includes Index  
9786297534701  
\$ 12.80 / PB

140gm.

Buku ini dihasilkan di bawah geran penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia yang berkisar tentang Madrasah al-Ahmadiyah al-Islamiah, Narathiwat, Thailand. Kandungan buku ini adalah berkaitan dengan penubuhan institusi tersebut dan sumbangannya dalam pengumpulan manuskrip di Nusantara. Buku ini juga menyatakan kronologi jaringan kerjasama yang telah terhasil dengan USIM.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859782>

---

Kekeliruan Gender Penjelasan Islam / Azizah Binti Baharuddin, Enizahura Binti Abdul Aziz, Mohd Amiruddin Bin Kamarulzaidi

Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit IKIM / IKIM Press, 2023

x, 142p.

Include Index

9789670044132

\$ 14.00 / PB

240gm.

Isu berkaitan kekeliruan gender seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender dalam dunia moden memperlihatkan pentingnya pembentukan kesedaran dan pemberian kefahaman yang sebaiknya kepada masyarakat. Penjelasan dari sudut pandang Islam dan juga hujah-hujah sains berkenaan isu ini seharusnya menyedarkan masyarakat tentang implikasi cara hidup sebegini kepada institusi keluarga, pembangunan sahsiah dan moral. Buku ini bukan sahaja mengandungi penjelasan tersebut, tetapi juga mengetengahkan pengalaman Indonesia dalam berhadapan dengan isu berkenaan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866493>

---

Penulisan Tafsir Mawdui di Malaysia / Sahlawati Abu Bakar, Haziyah Hussin, Wan Nasyrudin Wan Abdullah

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

184p.

Include Index

9786297547893

\$ 14.00 / PB

285gm.

Puji dan syukur penulis panjatkan kehadrat Allah SWT yang telah mengurniakan rahmat dan pertolongan bagi menyempurnakan penulisan buku ini. Selawat dan salam buat Rasulullah SAW yang telah memberikan contoh teladan yang baik buat umatnya sebagai bekalan menuju jalan yang diredhai oleh Allah SWT.

Buku ini merupakan rentetan penulisan tesis Doktor Falsafah yang bertajuk Pendekatan Tafsir Mawdiri dalam Penulisan Tafsir di Malaysia. Perbahasan dalam buku ini menyentuh sejarah pertumbuhan dan perkembangan tafsir mawdiri, kedudukan tafsir mawdiri di Malaysia, aplikasi pendekatan tafsir mawdiri di Malaysia berdasarkan lafadz tema dan surah, prosedur pendekatan tafsir mawdiri dan prospek tafsir mawdiri. Jika disorot, pertumbuhan tafsir mawdiri bermula semenjak zaman Nabi SAW lagi apabila baginda mentafsirkan al-Quran dengan al- Quran. Perbahasan mengenai perkembangan tafsir mawdiri pula bermula dengan penulisan kitab-kitab tafsir yang berkonsepkan tafsir mawdiri dan seterusnya berkembang kepada penulisan kitab-kitab tafsir menggunakan pendekatan tafsir mawdiri yang khusus.

Fokus utama buku ini ialah aplikasi pendekatan tafsir mawdiri dalam penulisan tafsir di Malaysia. Tiga jenis tafsir mawdiri yang ditulis, iaitu tafsir mawdiri jenis lafadz, tema dan surah. Tafsir mawdiri ialah pendekatan tafsir yang menekankan kaedah pentafsiran al-

Quran secara bertema. Pendekatan ini mula diperkenalkan oleh ulama timur tengah pada tahun 1970-an dan selepas itu muncul penulisan tafsir mawdi i sama ada menyentuh aspek metodologi ataupun penulisan karya khusus tentang tafsir mawdiri. Pendekatan tafsir ini telah melalui proses evolusi dan mempunyai perbezaan dari aspek prosedur dan praktik dalam kalangan sarjana tafsir. Perbezaan ini telah memberikan kesan secara tidak langsung kepada penulisan tafsir mawdiri di Malaysia. Meskipun penulisan tafsir mawdiri di Malaysia semakin berkembang pada kurun ke 21 ini, pendekatan yang digunakan perlu diteliti berikutan cara pengkategorian kitab-kitab tafsir mawdiri di Malaysia tidak konsisten dalam kalangan pengkaji tafsir.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859799>

---

Fiqah Interaksi Kekeluargaan antara Mualaf dan Keluarga Non-Muslim / Sarip Adul  
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2022  
x, 222p. ; 27cm  
Include Index  
9789672738602  
\$ 38.00 / PB  
345gm.

Golongan mualaf atau sesiapa sahaja yang beragama Islam wajib mempelajari hukum berkaitan hubungan antara Muslim dengan non-Muslim. Ia bagi memastikan semua tingkah laku dan tindakan adalah bertepatan dengan hukum syarak. Tanpa pengetahuan hukum syarak, individu Muslim dikhuatiri akan menganggap ringan masalah hukum atau mengambil sikap yang ekstrem. Buku ini memberi panduan berkaitan permasalahan fiqah harian yang melibatkan interaksi kekeluargaan antara Muslim dengan non-Muslim. Perbincangan hukum melibatkan dimensi ibadah, kematian, aurat, pakaian, makanan, perkahwinan dan sebagainya. Perbincangan fiqah dalam buku ini tidak terhad kepada pandangan mazhab Syafii, bahkan melibatkan pandangan pelbagai mazhab muktabar. Pembaca digalakkan mendapatkan bimbingan daripada para ulama agar kefahaman yang diperoleh dari buku ini tepat.

Buku ini sesuai untuk pelajar yang ingin memahami fiqah perbandingan yang merupakan satu aspek penting dalam bidang Syariah. Bagi mualaf pula, pemahaman fiqah pelbagai dimensi membuka ruang kepada mereka untuk berinteraksi dengan ahli keluarga non-Muslim dalam keadaan harmoni sambil peraturan agama kekal terpelihara.

<http://www.marymartin.com/web?pid=851035>

---

Pemakanan Halalan Toyyiban Dalam Pembangunan Keluarga Mithali / Khairudin Shaary  
Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023  
xiv, 162p.  
Include Index & Bibliography.  
9789670031927  
\$ 14.00 / PB  
265gm.

Pemakanan bertemakan halalan toyyiban dalam al-Quran merupakan indikator penting dalam proses membangunkan insan yang cemerlang dunia dan ukhrawi. Walhasil, lahirlah generasi anak-anak dalam sesebuah keluarga dilingkungi keberkatan, sihat, berdaya intelek dan menjalani kehidupan yang sejahtera akal, emosi, jasmani serta rohani. Buku ini meneroka konsep pendapatan dan pemakanan halalan toyyiban melalui interpretasi al-Quran, hadis, kitab fiqh dan tidak meninggalkan rujukan yang bertunjangkan tasawuf. Buku ini ialah hasil daripada kajian peringkat sarjana yang dipilih sebagai pemenang Anugerah Keluarga Mithali peringkat kebangsaan tahun 2023. Naskhah ini amat sesuai buat pengkaji dalam bidang halal, kekeluargaan Islam, pemakanan, motivasi keagamaan,

diet keluarga dan pengurusan pemakanan. Malah, naskhah ini turut berbaloi untuk dibaca oleh individu Muslim dan peminat ilmu Islam kerana isu makanan adalah bersifat malar segar. Pengolahan bahasa dan penyampaiannya tampak sederhana dan sesuai dengan kerencaman intelektual pembaca.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866494>

---

### *Sociology – Culture Studies*

Permainan Zaman Kanak-Kanak Di Sarawak Etnik Melayu Sarawak: Siri 1 / Norraha Binti Abdul Rahim, Zakaria Bin Bojeng, (Ed) Dr. Zakaria Binti Mohd Taufik Kuching, Sarawak: Jabatan Muzium Sarawak, 2022  
vii, 77p.

9789839468311

1. Games—Malaysia—Sarawak.
2. Outdoor games—Malaysia—Sarawak.
3. Sarawak (Malaysia)—Social life and customs.

\$ 20.00 / PB

225gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866495>

---

Keringkam: Koleksi Jabatan Muzium Sarawak / Norhaslina Binti Hamzah, (Ed) Suhana Binti Sarkawi

Kuching, Sarawak: Jabatan Muzium Sarawak, 2022  
52p.

9789674882884

1. Scarves—Malaysia—Sarawak.
2. Embroidery—Patterns.
3. Malays (Asian people)—Clothing—Malaysia—Sarawak.

\$ 25.00/ PB

95gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866496>

---

Manuskrip Jawi: Koleksi Terpilih Di Jabatan Muzium Sarawak / Iswandi Bin Junaidi, (Ed) Suhana Binti Sarkawi

Kuching, Sarawak: Jabatan Muzium Sarawak, 2022  
vii, 37p.

9789839468229

1. Manuscripts, Malay.

\$ 10.00/ PB

95gm.

Penulisan buku ini merupakan salah satu cara pengenalan yang berkaitan dengan MANUSKRIP JAWI – Koleksi Terpilih di Jabatan Muzium Sarawak. Buku ini terdiri daripada 30 buah naskah manuskrip jawi Melayu yang terdapat di Jabatan ini. Penulis memilih 4 naskah Warkah Diraja, 4 naskah Surat Perjanjian, 1 Salinan Dokumen Perundangan, 1 naskah Syair dan 20 naskah Hikayat yang telah dimanuskripkan dan disimpan di Seksyen Koleksi, Jabatan Muzium Sarawak. Tujuan buku ini diterbitkan bukan sahaja untuk memberi pengenalan kepada kewujudan manuskrip jawi Melayu yang terdapat di Sarawak, malah buku ini juga disediakan untuk dijadikan panduan ringkas sebagai pemula bagi penyelidik dan pengumpul yang berminat dengan koleksi manuskrip jawi Melayu di Jabatan Muzium Sarawak.

Buku ini ditulis secara ringkas terutamanya untuk membantu pengkaji dan pelajar dalam mempelajari pengetahuan asas manuskrip dan pengenalan kepada pengajian filologi. Buku ini merupakan sebahagian kecil daripada himpunan koleksi manuskrip yang ada dalam koleksi JMS.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866497>

---

Koleksi Muzium Sarawak: Budaya Dan Warisan Etnik / Tazudin Mohtar, Dayang Morzanah Binti Awang Haddy  
Siri Pertama: Manuskrip Jawi, Papan Turai, Sape, Gendang, Tembaga  
Kuching, Sarawak: Jabatan Muzium Sarawak, 2022  
iii, 180p.

Include Bibliography

9789839468328

\$ 65.00/ PB

1065gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866498>

---

Nostalgia Sri Tarina: Seleksi Tandak Melayu Sarawak / Haji Mahmud Zamudin Bin Mat Kuching, Sarawak: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2022  
xii, 129p.

9789834424640

1. Kumpulan Sri Tarina—History
2. Folk dancing—Malaysia—Sarawak
3. Dance—Malaysia—Sarawak
4. Folk dance music—Malaysia—Sarawak

\$ 18.00 / PB

195gm.

Sejarah penubuhan Sri Tarina sejak 1968, kumpulan seni tari tradisional di Sarawak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866499>

---

Bangsawan Sultan Tengah: Sultan Sarawak Darul Hana / Sanib Said & Azuan Jemat Kucing, Sarawak: Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, 2020  
x, 216p.

9789834424633

\$ 90.00/ HB

1635gm.

Sidang redaksi Bahagian Kebudayaan, Penyelidikan dan Media, Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak telah julung kali menerbitkan buku Bangsawan Sultan Tengah Sultan Sarawak Darul Hana yang telah mendapat perkenan penerbitannya oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud sewaktu kunjungan hormat di Astana Negeri pada tahun 2018. Usaha sidang redaksi penerbitan buku Bangsawan Sultan Tengah Sultan Sarawak Darul Hana telah bermula sejak 2017 dalam usaha untuk mendokumentasikan pementasan Bangsawan Sultan Tenagh yang telah dipentaskan pada tahun 2016. Bangsawan Sarawak sememangnya popular pada sekitar tahun 50-an dan 60-an, khususnya di sekitar Kuching Sarawak. Sebuah pementasan Bangsawan Sultan Tengah telah dipentaskan pada 04, 05 dan 06 Mac 2016 yang bertempat di Auditorium Tun Ahmad Zaidi Adruce Institut Guru Batu Lintang Kuching Sarawak. Usaha pementasan ini adalah atas perhatian pihak penganjur terhadap saranan yang pernah disuarakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud sewaktu kunjungan hormat di Astana Negeri pada tahun 2015. Karya Bangsawan Sultan Tengah Sarawak terhasil dari penyelidikan ilmiah oleh Bahagian

Kebudayaan, Penyelidikan dan Media Amanah Khairat Yayasan Budaya Melayu Sarawak, terhadap sumber manuskrip Melayu yang bertulis jawi iaitu Salasilah Raja-Raja Berunai dan Hikayat Sambas. Adaptasi manuskrip ini telah berjaya merungkai sejarah riwayat hidup seorang putera sultan Berunai yang telah menjadi sultan pertama dan terakhir Sarawak dengan terbentuknya pengasasab Kesultanan Melayu Sarawak pada abad ke- 16.

Pementasan Bangsawan Sultan Tengah ini telah mengabungkan hampir 150 orang penggiat teater di sekitar bandaraya Kuching yang terdiri daripada tenaga produksi, pelakon, penyanyi, penari dan pemuzik. Manakala persiapan untuk kostum busana Melayu, satu penyelidikan rapi dibuat oleh AKYBMS untuk memastikan semua watak-watak memakai kostum seiras yang pernah digunakan oleh tokoh-tokoh pada zaman tersebut. Kostum-kostum ini telah direka khas yang terdiri daripada raja-raja Melayu, tanjak dan juga keris berdasarkan 1600 tahun yang lalu. Set, prop dan layar cerita juga dibina mengikut kajian rapi agar ia dapat dihayati oleh para penonton dan dapat memnonjol jati diri Melayu Sarawak serta menghidupkan kembali seni bangsawan di Sarawak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866500>

---

Baju Kurung Busana Sepanjang Zaman: Koleksi Terpilih Jabatan Muzium Malaysia / Datuk Kamarul Baharin Bin A. Kasim

Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia, 2022

100p.

9789670372440

\$ 35.00/ PB

360gm.

Buku ini menghimpunkan koleksi terpilih baju kurung milik Jabatan Muzium Malaysia bersempena dengan Pameran Baju Kurung: Busana Sepanjang Zaman yang diadakan di Muzium Tekstil Negara. Baju kurung merupakan pakaian traditional Masyarakat Melayu yang diiktiraf sebagai baju kebangsaan negara dan diangkat sebagai Objek Warisan Tidak ketara dalam Senarai Seni Halus Warisan Kebangsaan 2015. Pemakaian baju kurung sangat sinonim dan digemari oleh Masyarakat tempatan kerana potongannya mencerminkan nilai kesopanan, keanggunan dan kesederhanaan. Kepelbagaiannya dan keterampilan persona pemakaian baju kurung menjadi daya tarikan sehingga kini dan kekal sebagai busana sepanjang zaman.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866501>

---

Pesan Hulubalang: Membongkar Rahsia Falsafah Kepahlawanan Melayu Generasi Kini / Emil Bahari & Halim Hamit

Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023

xxvi, 264p.

Include Index.

9789670031552

\$ 72.00 / HB

1055gm.

Jika bangsa besar Cina mempunyai karya strategi Sun Tzu mengenai Art of War, apakah leluhur bangsa Melayu tidak meninggalkan karya tentang strategi untuk kita ikuti? Persoalan ini membuatkan penulis bertanya justeru meneliti tentang pesanan leluhur Melayu yang boleh dijadikan panduan bagi pemikiran strategi. Sebenarnya, jika dikaji, manuskrip Melayu mempunyai banyak unsur strategi dalam perperangan yang dizahirkan dalam bahasa sastera sama ada tersurat atau tersirat yang sulit digarap oleh masyarakat umum.

Buku ini cuba membongkar pemikiran strategi Melayu melalui titipan budaya, adat dan peribahasa serta menyusunnya melalui pesan seorang hulubalang kepada muridnya,

seorang pendekar. Karya ini adalah untuk membugarkan pemikiran strategi Melayu dengan pesanan yang masih relevan untuk semua peringkat terutamanya pelajar sekolah dan pelatih persilatan. Buku ini juga dipersembahkan sebagai satu Kod Kepahlawan Melayu (Malay Warrior Code) yang bakal menguatkan jati diri insan Melayu yang diharap dapat dizahirkan melalui pengamalan dan pelestarian kebudayaan Melayu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859797>

---

Jenayah Dari Perspektif Klasik Biososial Dan Trait Personaliti / Norruzeyati Che Mohd Nasir  
Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023  
xiv, 188p.

Include Index

9789670031941

RM 40.00; USD 20.00 / PB

300gm.

Buku ini membincangkan tiga perspektif teori jenayah iaitu klasik, biososial dan trait personaliti untuk memberikan kefahaman mendalam kepada pembaca. Trait personaliti merupakan salah satu komponen dalam disiplin psikologi yang berkait dengan aspek biososial manusia. Karya ini diharap mampu menjadi rujukan kepada pembaca terutamanya pelajar universiti dan ahli akademik daripada disiplin kriminologi, sosiologi, kerja sosial, psikologi, kaunseling, pendidikan dan pembangunan manusia serta penjawat awam yang berhubung secara langsung dengan klien pesalah jenayah. Memahami faktor penglibatan klien dalam jenayah dapat membantu perancangan intervensi yang efektif dan efisien.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866502>

---

Pemulihan dalam Komuniti: Intervensi Orang Kurang Upaya Melakukan Aktiviti Harian /  
Sakinah Sidek, Haris Abd. Wahab  
Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2023  
xiv, 312p.

Include Index.

9789674882785

\$ 28.00 / PB

485gm.

Buku ini membincangkan kesan pelaksanaan lima domain utama Jadual Matrik Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) iaitu domain kesihatan, pendidikan, sosial, kehidupan dan pemerksaan ke atas aktiviti harian pelatih PDK. Secara umumnya buku ini cuba memberi gambaran berkenaan dengan keadaan kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada dalam program PDK di Malaysia dan membandingkan dengan kemudahan dan perkhidmatan yang sepatutnya ada di dalam program PDK bagi meningkatkan kebolehan pelatih Orang Kurang Upaya melakukan aktiviti harian mereka. Buku ini juga menerangkan berkenaan kebolehan pelatih PDK melakukan aktiviti harian berdasarkan kepada empat aktiviti utama, iaitu kebolehan makan dan minum, pergerakan, pengurusan diri serta asas pendidikan 3M (membaca, menulis, mengira). Malah buku ini mengajak pembaca memahami kewujudan halangan-halangan yang boleh menganggu kebolehan pelatih PDK untuk melakukan aktiviti harian mereka. Buku ini amat sesuai di baca dan diharap mampu memberi maklumat yang bermanfaat kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Pemulihan dalam Komuniti, para pendidik, para pelajar, ibu bapa yang mempunyai anak istimewa, aktivis dan sukarelawan juga kepada individu yang berminat untuk membantu golongan istimewa menerusi penglibatan masyarakat dalam aktiviti di Pusat PDK.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866503>

---

Warisan Traditional Dan Kebudayaan Suku Kaum Dusu Ranau / Siaw Yan-Li, Azmawaty  
Mohamad Nor, Awang Azman Awang Pawi

Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2023

xv, 94p.

Include Indexs.

9789674882723

\$ 19.20 / PB

175gm.

Adat tradisional dan budaya adalah bahagian daripada kepercayaan, pengetahuan atau tingkah laku yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain dalam sekelompok manusia. Adat tradisional sesebuah masyarakat melibatkan budaya, nilai, kepercayaan, peraturan dan bahasa yang unik dan tersendiri. Amalan hidup yang unik ini membentuk kebanggaan dan identiti masyarakat terutama dalam kalangan penduduk minoriti peribumi. Walau bagaimanapun, pmodenan dan perbandaran menghakis dan mengancam kelestarian budaya tradisional penduduk peribumi. Sehubungan itu, adalah penting untuk mendokumentasikan dan menilai kritis keunikan tradisi dan budaya penduduk minoriti peribumi agar menjadi rujukan zaman.

Buku ini memerikan khazanah tradisi warisan dan adat istiadat suku kaum Dusun di Ranau, Sabah berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan selama dua tahun bersama narasumber tempatan. Di samping itu, buku ini memberi pengenalan berkenaan dengan keistimewaan tradisi warisan bagi penduduk peribumi dan sejagat umumnya serta khusus kepada budaya kearifan tempatan di Sabah. Hasil kajian lapangan ini berupaya menjadi rujukan kepada generasi yang akan datang dalam konteks keunikan tradisi dan budaya penduduk peribumi di Malaysia terutama bagi suku kaum Dusun di Ranau, Sabah.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859796>

---

Pembinaan Tamadun Bangsa di Era Pasca Pandemik: Cabaran Dan Harapan / Ratna Roshida Ab Razak

Selangor Daru; Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2022

xii, 156p.

Include Indexs.

9789672989936

1. Malays (Asian people)—Civilization.
2. Malays (Asian people)—Social conditions.
3. Civilization.

\$ 15.60 / PB

270gm.

Pembinaan Tamadun Bangsa di Era Pasca Pandemik: Cabaran dan Harapan

Buku ini merupakan koleksi tulisan Ratna Roshida Ab Razak yang telah diterbitkan dalam akhbar dan majalah. Perbincangan utama buku ini banyak berkisar tentang cabaran yang perlu dihadapi oleh bangsa Melayu dalam proses pembinaan tamadun Malaysia khususnya di era pasca pandemic COVID-19 ini. Pelbagai aspek dan masalah cuba disentuh untuk dirungkai dan dicari jalan penyelesaiannya.

Buku ini dianggap penting kerana ia menyediakan panduan atau manual bagaimana untuk memaknakan kehidupan yang sementara ini dengan terbaik dan menjadikan setiap individu dari rakyat Malaysia sebagai asset dan pemain utama dalam pembinaan tamadun Malaysia. Buku ini boleh menarik para pembaca yang ingin melakukan pembangunan diri agar menjadi seorang warganegara yang mampu menggunakan kehidupan yang dianugerahkan Tuhan dengan terbaik.

Tulisan yang dikongsikan dalam buku ini merupakan usaha ke arah pembinaan sikap dan perilaku yang bertitik tolak dari nilai murni yang didukung dan cara berfikir yang kritis dan kreatif dalam kalangan bangsa Melayu, terutama dari golongan muda yang masih mempunyai ruang pembentukan sikap yang cukup luas. Hal ini amat penting bagi mengubah nasib bangsa Melayu agar bangs akita terus kekal relevan dalam pembangunan negara dan Berjaya berdepan dengan kepincangan dan kebejatan yang boleh mengugat apa jua usaha ke arah itu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866504>

---

Antuka: Tradisi Lisan Iranun / Asmiaty Amat, Dg Uziah Harapan, Norsuhaila Sulaiman  
Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2022  
viii, 88p.

Include Index

9789672738558

1. Ilanun (Malaysian people) – Malaysia – Sabah.
2. Riddles in literature.
3. Riddles.

\$ 28.00 / PB

155gm.

Masyarakat Iranun adalah masyarakat peribumi minoriti yang mendiami beberapa kawasan di Kota Belud, Kota Kinabalu dan Lahad Datu di Sabah. Iranun adalah etnik yang memiliki keunikan tersendiri dan hampir menyerupai etnik Bajau. Selain daripada keindahan seni tenunan, Iranun juga memiliki puisi rakyat yang perlu dipertahankan.

Buku ini merupakan dokumentasi antuka atau teka-teki Iranun. Pendedahan terhadap antuka Iranun bukan sahaja menyerlahkan budaya masyarakat tersebut tetapi turut memperlihatkan betapa etnik ini sangat simple (mudah) dalam urusan kehidupan sehari-hari. Antuka Iranun mencirikan puisi etnik yang masih terpelihara sungguhpun proses transformasi kepada subjek dan objek yang dibicarakan memperlihatkan kesan nyata.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866505>

---

Lembu dan Kerbau dalam Sejarah Sociobudaya Masyarakat Melayu / Azharudin Mohamed Dali

Siri Mitos dan Sejarah Haiwan dalam Tamadun Melayu  
Kuala Lumpur, Malaysia: Global Mediastreet Sdn. Bhd., 2023  
iv, 172p.

Include Bibliography

9789670089324

\$ 10.80 / PB

185gm.

Lembu dan Kerbau ialah dua jenis haiwan yang terkenal dengan peranannya hampir di seluruh pelosok dunia sejak zaman dahulu lagi. Kedua-dua haiwan ini merupakan antara haiwan yang mempunyai kaitan rapat dengan sejarah kehidupan manusia. Buku ini memberikan perhatian kepada perjalanan sejarah lembu dan kerbau dalam sosiobudaya, politik, ekonomi masyarakat Melayu khususnya. pelbagai aspek menarik seperti laga Lembu dan kerbau, penyakit lembu dan kerbau serta jenayah lembu kerbau turut dibincangkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=860949>

---

Isu dan Keperluan Kaunseling Pelbagai Budaya Golongan Minoriti / KAmarul Md. Shah,  
Rozita Jayus & Mohd Radhi Abu Shahim

Terengganu, Malaysia: Penerbit UMT Universiti Malaysia Terengganu, 2023

x, 192p.

Include Index  
9789672793908  
\$ 9.20 / PB  
320gm.

Hubungan menolong dalam kaunseling pelbagai budaya dijalankan melibatkan antara dua atau lebih individu yang berbeza pandangan hidup dan persepsi dalam satu persekitaran sosial. Bagi memastikan seseorang kaunselor itu kekal kompeten, ilmu dan kemahiran kaunseling yang meliputi teori dan teknik kaunseling sahaja tidak mencukupi. Buku ini diharapkan dapat menjelaskan sejauh mana isu dan keperluan dalam kalangan golongan minoriti berdasarkan kepelbagaian masyarakat di Malaysia diambil berat oleh pengamal kaunseling dan pelajar kaunseling dalam memastikan perkhidmatan kaunseling lebih menyeluruh dan berkesan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866506>

---

Wacana Ilmu Dan Kemanusiaan / (Eds) Shuhairimi Abdullah, Azahari Ramli & Nur Salimah Alias  
Siri Diges Kemanusiaan  
Kangar, Perlis, Malaysia: Penerbit UniMAP, 2023  
xiv, 170p.  
Include Index  
9789672829539  
\$ 18.00 / PB  
280gm.

Penerbitan makalah penulisan Siri Diges Kemanusiaan yang bertemakan Wacana Ilmu dan Kemanusiaan adalah praktikal untuk dihidangkan kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Ini adalah kerana, semua isi kandungan penulisan ini adalah berkisar berkaitan dengan perbahasan isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat moden pada hari ini. Semua artikel-artikel ini disumbangkan oleh para akademik di peringkat pengajian tinggi berdasarkan kepada kepakaran bidang masing-masing. Antara isu-isu yang diangkat seperti hak asasi kemanusiaan, media baharu, pendidikan, isu bahasa, kesihatan umum, agama dan psikologi. Secara keseluruhannya, kandungan Siri Diges Kemanusiaan ini mengandungi 11 bab yang memberi fokus kepada pelbagai isu kemanusiaan sejagat. Semoga pembaca budiman akan mendapat input yang dapat mencambahkan benih-benih pemikiran yang positif dalam mendepani pelbagai isu dan cabaran semasa.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866507>

---

Pemerkasaan Dan Kesejahteraan Komuniti Mukim Pulau Manis, Pekan, Pahang / Rokiah Hj. Omar  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
130p.  
Include Index  
9789672518020  
1. Universiti Kebangsaan Malaysia—Public services.  
2. Community development—Malaysia—Mukim Pulau Manis (Pekan, Pahang).  
3. Community development, Urban—Malaysia—Mukim Pulau Manis (Pekan, Pahang).  
4. Universities and colleges—Services for.  
5. Education, Higher—Activity programs.  
\$ 12.00 / PB  
185gm.

Projek kampung angkat telah banyak dilaksanakan semenjak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan sebagai inisiatif untuk merapatkan jurang di antara masyarakat dengan universiti. melalui visi yang jelas, UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamik, berilmu dan berakhhlak mulia. Ini adalah sesuai dengan sejarah penubuhan UKM iaitu hasil perjuangan rakyat keseluruhan. Maka projek kampung angkat telah diberikan nafas baru supaya menjadi lebih holistik dan melibatkan pemindahan ilmu oleh pakar- pakar dari pelbagai fakulti dan pusat di UKM agar boleh dimanfaatkan oleh komuniti setempat.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866508>

---

Pemerkasaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia / Aizan Sofia Amin, Mohd Iqbal Haqim Mohd Nor, Hammad Mohd Saidi

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
194p.

Include Index

9786297547756

\$ 16.00 / PB

305gm.

Orang Kurang Upaya (OKU) sering dilihat sebagai kumpulan marginal dalam masyarakat kerana ketidakupayaan yang dialami oleh mereka telah membawa kepada halangan sosial yang signifikan dalam kehidupan OKU. Saban hari, media melaporkan akan halangan dan cabaran yang perlu ditempuhi oleh OKU dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Hak mereka untuk hidup saksama seperti ahli masyarakat yang lain sering dinafikan oleh kerana stigma negatif masyarakat dan diskriminasi terhadap OKU sehingga menjelaskan peluang mereka untuk hidup berdikari dalam komuniti. Oleh itu, buku ini memfokuskan kepada pemerkasaan OKU di Malaysia yang dikupas dalam lapan bab utama iaitu: Bab 1-Isu dan Cabaran Orang Kurang Upaya di Malaysia, Bab 2 - Keluarga Sebagai Sistem Sokongan Utama, Bab 3 - Penjagaan Kesihatan, Bab 4-Orientasi Pendidikan, Bab 5- Peluang dan Cabaran Pekerjaan, Bab 6- Alternatif Keusahawanan, Bab 7 - Kepentingan Aspek Psiko-Spiritual dan Bab 8- Cabaran dan Hala Tuju Pemerkasaan Orang Kurang Upaya.

Buku ini digarap dengan bersandarkan kepada hasil penyelidikan geran Kementerian Pengajian Tinggi melalui The Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/8) dan geran Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Dana Top Down-Geran Penyelidikan Universiti-Komuniti (KOMUNITI-2014-004) yang memfokuskan kepada Pemerkasaan Orang Kurang Upaya.

Sekalung penghargaan buat Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menaja projek penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga buat semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyelidikan ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=859798>

---

Krisis Pelarian Syria Di Turki: Perspektif Organisasi Kemanusiaan Malaysia / Mohd Irwan Syazli Saidin, Athirah Qistina Rostam Affandi

Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023  
174p.

Include Index

9786294860087

\$ 12.00 / PB

260gm.

Buku ini secara umum meneroka isu hak asasi manusia (IAM) yang berlaku dalam kalangan pelarian Syria di Turki menerusi perspektif organisasi kemanusiaan atau badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia, iaitu Majlis Perundingan Perpaduan Islam Malaysia (MAPIM),

Global Peace Mission Malaysia (GPM) dan Mercy Medical Relief Society Malaysia (MERCY Malaysia). Sejak bermulanya konflik di Syria pasca-Arab Spring 2011, dunia berhadapan dengan krisis kemanusiaan yang terburuk apabila jutaan rakyat Syria telah kehilangan tempat tinggal sehingga terpaksa menjadi pelarian di negara lain. Turki merupakan negara yang menerima pelarian Syria paling tertinggi di dunia dan telah membelanjakan lebih daripada USD 40 bilion untuk menampung keperluan mereka.

Meskipun pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan Turki, terdapat laporan yang dikeluarkan oleh beberapa media antarabangsa yang mendakwa perlakunya pencabulan HAM dalam kalangan pelarian Syria di Turki khususnya di kem pelarian kelolaan kerajaan. Perkara ini dinafikan sekeras-kerasnya oleh kerajaan Turki yang turut diperkuatkan oleh laporan agensi kemanusiaan dan media tempatan. Ketidakseimbangan laporan yang bersifat pro-Turki dan anti-Turki ini telah menimbulkan keraguan dan tanda tanya tentang kesahihan situasi sebenar berhubung isu pencabulan HAM yang berlaku dalam kalangan pelarian Syria di Turki.

Justeru, buku ini yang juga hasil peruntukan Dana Penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda Universiti Kebangsaan Malaysia (GGPM 2020-042) bertajuk "Perspektif, Cabaran dan Sumbangan Organisasi Kemanusiaan Malaysia MAPIM, GPMM dan MERCY terhadap krisis pelarian Syria di Turki" dan Dana Penerbitan Buku Universiti Kebangsaan Malaysia (DPB-2022-123) merungkai polemik krisis yang berlaku menerusi perspektif dan pengalaman aktivis kemanusiaan Malaysia yang dilihat bersifat neutral, bebas serta tidak berkepentingan. Matlamat utama buku ini ditulis adalah untuk meneroka isu kemanusiaan yang dihadapi oleh Delarian Syria yang menetap dalam kem-kem pelarian di Turki menurut sudut pandang NGO Malaysia yang terlibat secara langsung disana. Ia juga dilakukan bagi memenuhi kelomongan penulisan lepas yang diterbitkan walaupun penulisan tersebut dipelopori oleh para sarjana Turki dan 10 Krisis Pelarian Syria di Turks Perspektif Organisasi Kemanusiaan Malaysia

Barat yang memberi gambaran bersifat berat sebelah sama ada kerajaan Turki mahupun pertubuhan antarabangsa. Pendekatan kualitatif menerusi kaedah temu bual separa berstrukt dengan wakil aktivis Majlis Perundingan Perpaduan Islam (MAPIM), Global Peace Mission Malaysia (GPM) dan MERCY Malaysia terlibat secara langsung dalam misi kemanusiaan di Syria telah dijalankan di samping pertemuan bersama pelarian Syria di Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866509>

---

Terapi Keluarga, Pasangan dan Perkahwinan / Melati Sumari, Fatahyah Yahya, Dini Farhana Baharudin

Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya, 2023

xviii, 216p.

Include Indexs.

9789674882808

\$ 24.00 / PB

320gm.

Buku Terapi Keluarga, Pasangan dan Perkahwinan ini adalah suatu rujukan holistik yang membawa pengamal kaunseling untuk memahami dan mendalami sesebuah keluarga melalui konsep asas terapi keluarga. Antara kandungan penting yang boleh didapati dalam buku ini termasuk pendekatan kekeluargaan psikodinamik, struktur, strategik, eksperiential, berfokuskan penyelesaian dan naratif. Buku unik ini juga menyentuh isu-isu yang melibatkan aspek perundangan dan terapi pasangan. Buku ini sesuai dijadikan rujukan yang mampu memperkuuh kefahaman tentang kompleksiti hubungan yang ada dalam sesebuah keluarga dan pasangan malah memberikan pencerahan tentang aplikasi teori dan teknik dalam menjalankan sesi kaunseling. Ditulis oleh pakar yang berpengalaman, buku ini menggabungkan aspek kesarjanaan dengan aspek amali dalam dunia terapi keluarga,

pasangan, dan perkahwinan. Ia merupakan rujukan yang tepat dan padat bagi pelajar serta profesional dalam bidang perhubungan menolong yang berhasrat untuk membantu klien memperkuuh ikatan keluarga dan perkahwinan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=861158>

---

Pengantar Sosiologi Pembangunan / Azlizan Talib, Muhamad Azwan Abd Rahman  
Kedah, Malaysia: UUM Press Universiti Utara Malaysia, 2023

xviii, 128p.

9789670031965

\$ 14.00 / PB

240gm.

Buku Pengantar Sosiologi Pembangunan ini adalah usaha pensyarah di Jabatan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Kerajaan, UUM dengan kerjasama strategik bersama Felo Penyelidik Institut Kajian Malaysia (IKMAS), UKM dan organisasi masyarakat sivil iaitu Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF) dalam mengharmonikan kuliah-kuliah yang telah disampaikan dalam pelbagai bentuk material. Kuliah-kuliah yang diharmonikan ini datangnya daripada beberapa bentuk material. Bahan pertama datangnya melalui daripada pensyarah sendiri ke dalam bentuk rujukan dengan kaedah yang lebih luas. Bahan kedua ia diperoleh daripada sisi-sisi perenungan dan idea kesedaran kritis menerusi pengalaman yang pernah dilalui semasa melaksanakan kerja lapangan oleh ketiga-tiga entiti yang disebutkan.

Di samping kuliah-kuliah, terdapat juga material yang turut ditambah masuk ke dalam isi penting bagi setiap tema di dalam buku teks ini bagi meningkatkan kefahaman pembaca dalam memahami erti sosiologi pembangunan secara menyeluruh. Semoga buku ini menjadi cerminan kepada insan khususnya pelajar dan pembaca dalam memilih serta mengungkapkan wacana pembangunan menerusi asas kerangka yang kukuh dan boleh ditanggapi secara budiman dan meluas.

<http://www.marymartin.com/web?pid=866510>

---